



Tingkat integriti dan profesionalisme penjawat awam

# Turun padang selami suara rakyat

**SHAH ALAM** - Kepimpinan negeri dan penjawat awam disaran turun padang bagi menghayati dan menyelami kesusahan rakyat sebelum membuat sesuatu keputusan membabitkan kepentingan awam.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata menjadi tradisi kerja beliau dan pasukan di negeri itu melakukan program ter-

jah menyelami isu rakyat dengan tidak sekadar duduk di pejabat mendengar laporan serta taklimat.

Katanya, dalam program terjahan itu, beliau terkesan dan sebak apabila melihat masih ada keluarga di negeri itu yang daif dan tidak dapat pemilikan ke atas tanah diteroka.

"Bukan untuk tempoh satu atau dua tahun, bahkan membabitkan

tempoh begitu lama.

"Tidak dapat membayangkan selepas hampir 60 tahun merdeka, masih ada rakyat tidak memiliki kediaman selesa untuk keluarga," kata Mohamed Azmin semasa Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah di Bangi pada 17 Januari lalu.

Sebelum ini, Mohamed Azmin mahu penjawat awam berpegang kepada Piagam Perkhidmatan

Awam dan bersikap profesional tanpa setia kepada orang politik maupun parti.

Katanya, barisan kepimpinan negeri bersilih ganti selepas tamat penggal pentadbiran namun penjawat awam kekal terus berkhidmat dan beliau tidak mahu ada kakangan awam menjadi 'kambing hitam' ekoran kegagalan sistem.

Mohamed Azmin berkata pen-

jawat awam diingatkan supaya berhemah dalam perbelanjaan serta bekerja dengan baik dan amanah.

"Rekod kewangan negeri adalah yang terbaik dalam negara setakat ini," kata Mohamed Azmin.

Selangor mencatat lebihan kewangan berjumlah RM577 juta selepas penutupan akaun pada 31 Disember 2015 sekaligus menjadikan hasil berjumlah RM2.53 bilion.

## TPPA: Kedaulatan negara terancam, rakyat hilang hak

**KERAJAAN** Persekutuan perlu mengadakan referendum rakyat sebelum membuat keputusan menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) agar tidak mengancam kedaulatan negara.

Sejarah Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 1874 wajar dijadikan pengajaran supaya tidak berulang sehingga membuka pintu kepada penjajahan asing.

Ancaman TPPA bukan sekadar perdagangan yang hanya memihak kepada kuasa besar dunia Amerika Syarikat tetapi turut mengancam kebijakan rakyat apabila dibimbingi boleh meningkatkan harga ubat-ubatan.

Kerajaan Persekutuan diperingatkan tidak terjerat dengan bentuk penjajahan baru akibat penswastaan negara kepada syarikat multi nasional seperti mana Syarikat Hindia Timur menjadi alat penjajahan dahulu.

Semestinya, seluruh rakyat tanpa mengira lapisan perlu menolak perjanjian berat sebelah TPPA bagi memastikan sejarah Perjanjian Pangkor dan Malayan Union tidak berulang.



Riak kegembiraan jelas terpancar pada wajah peneroka Felda Sungai Tengi Selatan selepas menerima hak milik tanah daripada Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali. Penantian hampir 27 tahun itu berbaloi selepas mengusahakan tanah untuk pertanian dan kediaman. BERITA LANJUT DI MUKA 9

## Himpunan bantah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik

# Ribuan peserta hadiri demo anti TPPA

OLEH HAFIZAN TAIB

**KUALA LUMPUR** - Keadaan panas terik tidak menghalang ribuan peserta hadir dalam himpunan anti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di Padang Merbok, di sini, pada 23 Januari lalu.

Ternyata perubahan tempat dari Dataran Merdeka ke padang berkenaan ekoran faktor permit tidak melunturkan semangat penganjur, Gerakan Anti TPPA dan NGO lain termasuk orang ramai bagi menjawab himpunan itu.

Kalangan hadirin tidak sekadar pemimpin pembangkang tetapi daripada pelbagai golongan dan peringkat usia termasuk mahasiswa, pemimpin masyarakat dan orang kebanyakan.

Ia diadakan bagi menyatakan bantahan TPPA yang merupakan penjajahan baru terhadap negara daripada segi ekonomi.

Harapan ramai bahawa himpunan itu mampu mempengaruhi kerajaan untuk membatalkan hasrat bagi menandatangani TPPA pada 24 Februari depan.

Beberapa pemimpin tampil memberi ucapan, antaranya Naib Presiden KEADILAN, Tian Chua; Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, Penggerusi BERSIH, Maria Chin Abdullah dan Presiden PERKASA, Datuk Ibrahim Ali.



## Beban rakyat bertambah, kos perubatan meningkat

**KUALA LUMPUR** - Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) diwujudkan kuasa besar diketuai Amerika Syarikat (AS) bagi memulihkan ekonomi negara terbabit yang merudum dan terjejas pada masa ini.

Wakil Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), Badlishah Sham Baharin, berkata ia juga sebagai langkah bagi mengekang kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi baru dunia.

"Barrack Obama (Presiden AS) pernah mengatakan alasan TPPA untuk membantu syarikat gergasi negara itu ekoran ekonomi mereka sudah hampir hancur, maka untuk bangkit kembali adalah menerusi TPPA."

"TPPA ini adalah imperialism untuk mengawal dunia, maka dengan itu kita harus menolak dan membantahnya," katanya dalam himpunan anti TPPA di Padang Merbok di sini, pada 23 Januari lalu.

Beliau berkata, kajian IKRAM dan ahli akademik mendapati keburukan TPPA adalah lebih banyak berbanding kebaikan, antaranya peningkatan kos perubatan, sara hidup dan mendapatkan akses maklumat.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohamad Raimi Ab Rahim, berkata TPPA



ialah perjanjian yang bakal menambahkan beban rakyat marhaen di negara ini.

Katanya, pihak mengaut keuntungan daripada perjanjian itu adalah kalangan pelabur dan pedagang luar.

"Dalam banyak negara di dunia hanya 12 negara terbabit dan menyatakan minat menyertainya dengan Malaysia salah satu daripadanya."

"TPPA dibincangkan kira-kira lima tahun lalu dan ia dijalankan secara rahsia di kalangan perunding daripada 12 negara itu dengan kandungannya tidak dide dahkan umum selama lebih kurang lima tahun."

"Atas desakan rakyat dan tin dakan memfailkannya di mahkamah barulah ia didedahkan, itu pun oleh Kerajaan New Zealand," katanya.

Kerajaan Persekutuan membaiki mekanisme dan institusi undang-undang dalam merangka polisi ekonomi termasuk me-

"Bila kita menandatangani TPPA, kita menggadaikan hak rakyat untuk membuat keputusan untung nasib di negara kita," katanya di Padang Merbok, di sini, pada 23 Januari lalu.

Naib Presiden KEADILAN, Tian Chua, berkata TPPA adalah bentuk penjajahan baru yang perlu ditolak rakyat negara ini supaya tidak menjadi mangsa kuasa asing.

## Parlimen digesa tolak undian

**KUALA LUMPUR** - Seluruh Ahli Parlimen perlu mengundi menolak pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) kerana ia bakal menjelaskan ekonomi negara dan hak rakyat.

Penggerusi BERSIH 2.0, Maria Chin Abdullah, berkata adalah menjadi tanggungjawab semua Ahli Parlimen yang bersidang untuk membuat keputusan demi kebaikan rakyat dan semua pihak di negara ini.

"TPPA menjelaskan hak rakyat di negara ini dan ia juga tidak menentukan polisi awam," katanya dalam himpunan anti TPPA di Padang Merbok di sini, pada 23 Januari lalu.

Maria Chin Abdullah berkata, pertubuhan itu juga menuntut Kerajaan Persekutuan membaiki mekanisme dan institusi undang-undang dalam merangka polisi ekonomi termasuk me-

nentukan keputusan dibuat seperti TPPA.

Katanya, langkah itu penting supaya ekonomi negara tidak terjejas kerana faktor multi nasional terutama di sektor pertanian, perubatan serta industri kecil dan sederhana (IKS).

"Kita membantah TPPA kerana ia melemahkan dan menghadkan (kuasa) Parlimen menggubal undang-undang."

"Apa yang penting kerajaan perlu menyelesaikan isu tempatan seperti menyalahgunakan kuasa oleh institusi kerajaan, salah guna wang untuk 1MDB dan sebagainya. Semua isu ini mesti diselesaikan sebelum kita membincangkan TPPA," katanya.

Beliau berkata, rundingan berkenaan TPPA yang dijalankan juga kurang ketelusan dan gagal menepati piawaian ditetapkan.

## Hak rakyat jadi mangsa kuasa besar

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan Persekutuan bakal menggadaikan hak rakyat menentukan masa depan sendiri apabila menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Naib Presiden KEADILAN, Tian Chua, berkata TPPA adalah bentuk penjajahan baru yang perlu ditolak rakyat negara ini supaya tidak menjadi mangsa kuasa asing.

"Itulah isu pokoknya supaya kita

mahu rakyat bangkit bagi mempertahankan hak dan demokrasi rakyat," katanya.

Katanya, rakyat perlu memahami gambaran sebenar TPPA apabila dilaksanakan ekoran banyak kesan negatif perjanjian itu tidak seperti mana diuar-uarkan membawa kebaikan dengan peningkatan pelaburan asing serta pertumbuhan ekonomi.

Rahsia catat lebih RM577 juta

# MB: Pengurusan kewangan negeri cekap dan amanah

OLEH NAZLI IBRAHIM

**HULU SELANGOR** - Tatkala Kerajaan Persekutuan bergelut dengan kejatuhan nilai ringgit dan harga pasaran minyak antarbangsa, Kerajaan Selangor berjaya memperolehi lebih RM577 juta apabila akaun 2015 ditutup.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali ketika berkongsi rahsia kejayaan itu berkata, selain faktor kecekapan menguruskan kewangan negeri, ia didorong kemampuan menerapkan amanah kepada anggota pentadbirannya.

"Saya gembira kerana dalam keadaan Putrajaya sedang gawat, negeri lain bergejumang dengan masalah ekonomi, sekali lagi hasil Kerajaan Negeri mencatatkan lebih RM577 juta.

"Tidak mungkin Kerajaan Negeri dapat mencatat prestasi kewangan baik dalam keadaan ekonomi gawat tanpa pemerintahan dan pentadbiran telus, amanah, bertanggungjawab dan mengamalkan prinsip tata kelola baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah kepada 139 peneroka Felda Sungai Tengi Selatan di sini, pada 22 Januari lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mengulangi pendirian untuk tidak menyemak semula Belanjawan Selangor 2016 seperti dilaksanakan Kerajaan Persekutuan.

"Ia ekoran Kerajaan Negeri turut mengambil kira sebarang risiko ekonomi yang mungkin dihadapi pada tahun ini dalam belanjawan," katanya.



Mohamed Azmin

## Respon pantas isu sampah bukan cakap kosong

**SHAH ALAM** - Seorang pengguna Facebook dikenali sebagai Luvin Vishnu Perumal berkongsi pengalamannya berurusan dengan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkenaan kutipan sampah.

Dalam paparan dikongsi di laman sosial itu, Luvin menceritakan situasi kediannya di Alam Impian, di sini yang berdepan masalah kutipan sampah tidak konsisten.

Beliau berkata, keadaan itu mendrongnya menghantar sistem pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon Mohamed Azmin yang pernah disiaran sebelum ini untuk melihat keberkesanannya.

"Saya terlihat iklan memaparkan nombor telefon Menteri Besar dan cuba menghantar SMS tanpa mengetahui sama ada iklan itu adalah benar atau palsu.

"Alangkah terkejutnya apabila SMS dihantar pada malam itu dibalas Menteri Besar keesokan harinya memaklumkan pihaknya sudah mengarahkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertindak," katanya.

Katanya, beberapa jam kemudian beliau menerima panggilan telefon daripada MBSA yang berada di kawasan itu untuk kerja mengutip sampah.

Malah, katanya, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad turut berada di lokasi terbabit untuk memantau.

"Tindakan itu membuktikan Kerajaan Selangor mampu bertindak pantas dan berkesan, malah Mohamed Azmin juga adalah pemimpin sejati



Masalah sampah mendapat respon pantas pihak berkuasa tempatan

yang bukan hanya pandai bercakap," katanya.

Paparan itu kemudian dikongsi Mohamed Azmin di Facebooknya dengan mengatakan pimpinan Kerajaan Negeri diingatkan supaya melunaskan tanggungjawab dan janji kepada rakyat.

Beliau berkata, mudah bagi pemimpin membuat janji, namun dilihat

lebih sukar untuk melaksanakannya.

"Sebab itu semasa pembentangan belanjawan lalu, saya ingatkan semua pihak terutama Exco, Adun dan diri sendiri supaya jangan hanya bercakap tetapi perlu disusuli tindakan."

"Terima kasih atas pujian, kami mungkin membuat kesilapan tetapi kami berjanji melakukan terbaik demi memenuhi kehendak rakyat," katanya.

**"Lebih baik Selangor tadbir Putrajaya" – MB**

**HULU SELANGOR** - Kerajaan Negeri mengalakukan langkah Kerajaan Persekutuan dan beberapa negeri lain yang mula mencontohi Selangor dalam melaksanakan program kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata antara program Kerajaan Negeri yang menjadi ikutan termasuk pelaksanaan rumah mampu milik.

"Saya gembira Perak menegur pemaju besar di sana jangan bina rumah mahal tetapi tumpu rumah mampu milik kerana rumah mahal ini hanya mampu tengok sahaja."

"Johor juga hendak ikut Selangor beri bas per-cuma kepada rakyat. Johor dan Perak sudah ikut, kalau begini lebih baik Selangor ke Putrajaya sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah kepada 139 peneroka Felda Sungai Tengi Selatan di sini, pada 22 Januari lalu.

Pada masa sama, katanya, Kerajaan Negeri mampu memastikan pendapatan disalurkan kepada pelbagai program bantuan dan pembangunan untuk rakyat.

Katanya, ia susulan kawalan ketat pentadbiran Kerajaan Negeri yang mengekang kebocoran, ketirisan, rasuah dan penyelewengan.

**Tiada keperluan semak Belanjawan Selangor 2016**

**SHAH ALAM** - Tiada keperluan Kerajaan Selangor menyemak semula Belanjawan 2016 walaupun negeri itu turut menerima tempias ketidaktentuan ekonomi semasa negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri, Dr Fahmi Ngah, berkata kecenderungan menyemak semula belanjawan lebih kepada Kerajaan Persekutuan ekoran penurunan harga minyak sehingga menjaskan pendapatan negara.

Katanya, kekurangan permintaan produk menggunakan minyak sebagai tenaga dari negara industri seperti China, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU) mengakibatkan eksport minyak negara menjadi lemah.

"Sebagai negeri industri, kita harus melihat dan menangani kesan itu, tetapi belanjawan negeri tidak perlu disemak ekoran hasil pendapatan kita tertumpu kepada hasil cukai tanah."

"Berdasarkan unjuran dilakukan dahulu, ia konservatif dan tidak ada keperluan menyemak di peringkat negeri berbanding Persekutuan saya lebih berat (cenderung) kepada perlu (semak belanjawan)," katanya kepada SelangorKini pada 22 Januari lalu.

Pada masa sama, Fahmi turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menangguhkan sementara pembinaan projek mega bagi menangani kegawatan ekonomi negara jika kejatuhan harga minyak berterusan bagi tempoh panjang.

Sebaliknya, beliau berkata, hasil kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dianggarkan bertambah sekitar RM16 bilion dijangka dapat membantu negara.

## Krisis politik Menteri Besar Kedah

# Desakan letak jawatan elak penentangan terbuka

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Desakan supaya Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir meletakkan jawatan adalah usaha meminimakan risiko penentangan terhadap Datuk Seri Mohd Najib Razak selaku Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Ia turut didorong kelanta-

ngan mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad yang mengkritik kepimpinan Najib dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Penganalisis Politik, Prof Dr Shaharuddin Badaruddin, berkata tindakan pimpinan Umno Kedah mengadakan sidang media supaya Mukhriz meletakkan jawatan seolah-olah mendapat 'restu' pimpinan pusat.

"Kalau kita lihat ketua bahagian kebanyakan pro-Najib, timbalan menteri, menteri di peringkat pusat seperti Datuk Seri Jamil Khir Baharom, ada tokoh lain seperti Setiausaha Politik Najib (Datuk Seri) Ghazali Ibrahim.

"Logiknya takkan Perdana Menteri tidak tahu tindakan tokoh ini. Sudah pasti ada arahan secara terus atau tidak supaya

memberikan tekanan kepada Mukhriz meletakkan jawatan secara sendirinya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam temubual ekslusif bersama SelangorKini berbicara berkenaan perkembangan semasa politik Kedah.

Shaharudin yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL) berkata, keinginan tokoh tertentu untuk

menjadi Menteri Besar juga dilihat menyumbang kepada faktor berlakunya pergolakan di peringkat negeri.

Katanya, jika berlaku kejatuhan Negeri Kedah menerusi undi tidak percaya Dewan Undangan Negeri (DUN) ia mungkin memberikan kesan kepada Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak.

## Umno BN bergelora menanti karam

**SHAH ALAM** - Kedudukan Umno untuk terus memerintah Kedah belum tentu terjamin jika pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) berlaku bagi memberikan laluan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) bagi menyelesaikan kemelut Menteri Besar.

Penganalisis Politik, Prof Dr Shaharuddin Badaruddin, berkata ia susulan imej Presiden Umno dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang semakin menu run dan menyukarkan parti itu mengambil tindakan sedemikian.

Tambahan pula, kerusi pembangkang dan kerajaan yang dilihat mencabar bakal memaksa Umno mengadakan rundingan di peringkat dalaman supaya kemelut itu dapat diselesaikan segera.

"Persoalannya adakah Umno ingin mengambil risiko membubarkan DUN yang kemudiannya berlaku pilihan raya semula dengan keadaan kekuatan kerajaan dan pembangkang itu agak seimbang.

"Saya tidak yakin Umno ambil risiko membubar kan DUN. Dia

cuba mengambil pendekatan dalam konteks rundingan yang tidak membabitkan parti lain," katanya.

Kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri menyaksikan Umno mempunyai 21 kerusi daripada 36 secara keseluruhan.

Shaharuddin berkata, isu pertukaran Menteri Besar Kedah dilihat sebagai usaha untuk mengalihkan perhatian dan masalah di peringkat nasional ketika imej Najib merudum.

"Kita berhadapan masalah reputasi di peringkat antarabangsa. Salah satu usaha memulihkan imej ekonomi kita adalah menurunkan Najib sebagai Perdana Menteri.

"Dalam politik ada proses untuk mengalihkan perhatian rakyat dengan berhadapan masalah sendiri kepada orang lain, ada kalanya ia berkesan dan tidak berkesan," katanya.

Katanya, parti, kedudukan sokongan dalam DUN dan perkenan peringkat Raja dan Sultan adalah elemen penting dalam konteks politik pusat mahupun negeri.

"Kedudukan DUN antara Kerajaan dan Pembangkang Kedah agak mencabar. Perpecahan dalam blok kerajaan memberikan kesan kepada mereka. Mereka yang ingin menukar Menteri Besar perlu berhati-hati.

"Raja-Raja mempunyai kuasa untuk menentukan (Datuk Seri) Mukhriz kekal atau tidak sebagai Menteri Besar," katanya.

## 'Langkah Kedah' strategi Najib diamkan Tun M, Mukhriz

**SHAH ALAM** - KEADILAN percaya gerakan menyingkirkan Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir sebagai Menteri Besar Kedah yang didalangi golongan pro Perdana Menteri sebenarnya bukanlah serius untuk menjatuhkan Mukhriz.

Naib Presiden KEADILAN, Tian Chua, berkata tindakan itu lebih kepada untuk mendapatkan persetujuan anak Perdana Menteri keempat itu berkompromi dengan Datuk Seri Najib Razak.

Katanya ia perlu dilakukan Najib apabila mendapat kedudukan beliau dalam Umno sendiri semakin lemah ekoran serangan terbuka banyak pihak khususnya mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Mesej rakyat mahukan Perdana Menteri baru dan bukannya Menteri Besar Kedah baru memang sampai kepada Najib tetapi apa boleh buat.

"Dia hendak selamatkan diri sendiri sampai tahap bukan

**Mesej rakyat mahukan Perdana Menteri baru dan bukannya Menteri Besar Kedah baru memang sampai kepada Najib,tetapi apa boleh buat**

**TIAN CHUA**  
Naib Presiden KEADILAN

hendak selamatkan Umno atau BN tetapi kedudukannya hingga dia sanggup menggugat sokongan kepada parti sendiri," kata Tian Chua ketika dihubungi SelangorKini pada 21 Januari lalu.

Terdahulu, Najib mengambil beberapa langkah dipercayai mengukuhkan kedudukannya termasuk menamatkan perkhidmatan Tan Sri Abdul Gani Patail sebagai Peguam Negara,

menyingkirkan Timbalannya sendiri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan tiga lagi Menteri daripada kabinet.

Tidak cukup dengan itu, Najib turut memberi peruntukan tambahan kepada semua Ahli Parlimen Umno sebanyak RM5 juta demi 'membeli' sokongan mereka.

Bagaimanapun semua tindakan ini dilihat masih tidak mencukupi apabila gerakan anti Najib dalam Umno semakin menular tidak kira secara terbuka maupun gerakan secara senyap.

Sebelum ini, Timbalan Pengurus Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah menyatakan hampir seluruh kepimpinan Umno Kedah menyuarakan hilang keyakinan terhadap kepimpinan Mukhriz sebagai Menteri Besar dan Pengurus Badan Perhubungan Umno negeri.

## Pembangkang perlu bersedia jika DUN Kedah dibubarkan

**SHAH ALAM** - Blok pembangkang perlu bersedia dan berunding sebagai persiapan jika berlaku pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menyelesaikan kemelut Menteri Besar Kedah.

Penganalisis Politik, Prof Dr Shaharuddin Badaruddin, berkata dalam kemelut sebegini terdapat dua perkara yang boleh berlaku dengan mengambil kesempatan atau menggunakan pendekatan 'politik gentleman'

membuat pendirian supaya blok kerajaan menyelesaikan masalah mereka sendiri.

"Dalam konteks jaminan demokrasi (politik gentleman) parti pembangkang sebagai contoh boleh menyatakan itu urusan kamu (Umno) dan selesaikan kerana dalam PRU-13 lalu kita terima kekalahan dan jika ingin cabar hanya dalam PRU-14.

"Faktor kedua adalah bersiap sedia jika apa-apa berlaku dalam konteks persaingan anta-

ra Umno sendiri yang akhirnya membawa kepada pembubaran DUN," katanya.

Katanya, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir juga perlu melihat keadaan sama ada beliau masih diperlukan atau tidak untuk menjadi Menteri Besar sekarang.

Kedudukan semasa Ahli Dewan Undangan Negeri menyaksikan Umno mempunyai 21 kerusi daripada 36 secara keseluruhan.



## Majlis Malam Gala Alam Segi Value

# Empat badan kebajikan terima sumbangan amal RM100,000

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencemar duli menyerikan Majlis Malam Gala Amal Segi Value Holdings Sdn Bhd di Hotel Concorde yang berlangsung pada 22 Januari lalu.

Dengan tema 'Fresh Love, Fresh Hope' anjuran kali pertama itu bertujuan memberikan sumbangan amal kepada beberapa badan kebajikan sebagai program tanggungjawab sosial mereka.

Hadir sama Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, rakan niaga Segi dan penaja.

Empat badan kebajikan menerima sumbangan adalah Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR), Yaysan Raja Muda Selangor (YRMS), Spastic Children's Association of Selangor and Federal Territory (SCAOS&FT) dan Persatuan



Kanak-Kanak Istimewa Ampang, Selangor.

Cek sumbangan disampaikan Sultan Sharafuddin sambil diiringi Pengasas dan Pengarah

Urusan Segi Value Holdings, Chui Ah Hock dan Pengerusi, Chia Ah Hoo serta Mohamed Azmin.

Setiap badan kebajikan menerima cek sumbangan ber-

nilai RM100,000 yang diserahkan kepada Tengku Puteri Nor Zehan Sultan Abdul Aziz Shah (RACTAR), YAD Tan Sri Raja Arshad Uda (YMRS), Dato' Seri Langat Diraja

Selangor, Dr Lam Peng Chong (SCAOS&FT) dan Christine Wong (SCSOA).

Baki perolehan daripada majlis itu dibahagikan sama rata kepada badan kebajikan lain antaranya Rumah Amal Asnaf Al-Barakh (Telok Panglima Garang), Rumah Anak-Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin Kanchong Darat (Banting), Pusat Jagaan Fatimah Yaakub dan Pusat Tahfiz Al-Walid (Bukit Beruntung), Pertubuhan Kebajikan Yesuvin Mahligai Selangor (Kajang) dan Pusat Penjagaan Cahaya Kasih Bestari (Kampung Melayu Subang).

Dalam majlis sama, Sultan Sharafuddin berkenan melancarkan model prototaip bangunan baru Segi Wholesales Mall yang bakal menjadi pasar raya baru dan ibu pejabat korporat Segi di Subang 2, Shah Alam serta dijangka siap sepenuhnya awal 2019.



## Taman Rakyat 41 ekar di Seksyen 13 Shah Alam

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri dalam perancangan membina sebuah Taman Rakyat di Seksyen 13, di sini berkeluasan 41 ekar seperti diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2016.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pembinaan Taman Rakyat berkonsep hijau itu adalah inisiatif menjadikan Selangor sebagai 'Negeri Rendah Karbon'.

"Ia sudah diumumkan dalam pembentangan belanjawan lalu dan kita memperuntukkan sejumlah wang serta mengenalpasti tanah untuk Projek Taman Rakyat.

"Apabila siap, ibu bapa boleh

beriadah dan melakukan aktiviti pada hujung minggu sementara kanak-kanak juga ada ruang permainan khas," katanya selepas merasmikan Program Pemelibaran Hutan Aeon Mall Shah Alam pada 23 Januari lalu.

Katanya, perbincangan bersama beberapa konsultan sedang dijalankan bagi menentukan konsep sesuai untuk Taman Rakyat dan ia dijangka memakan masa antara tiga sehingga lima tahun untuk disiapkan.

"Penjagaan ekosistem hijau juga perlu diseimbangkan dalam pembangunan masyarakat dan sosial tanpa terlalu menumpukan kepada pembangunan konkrit sahaja," katanya.

Ia dengan menyasarkan pencapaian serbuan berjaya sekurang-kurangnya 60 peratus berbanding jumlah serbuan dilaksanakan.

"Hala tuju seterusnya menu runkan kadar kemalangan jalan raya sebanyak lima peratus berbanding 2015 melalui penguatan kuasaan lebih berkesan," katanya dalam perhimpunan bulanannya pada 20 Januari lalu.

Pada majlis sama, beliau menyampaikan sijil penghargaan kepada 36 penerima terdiri dari warga polis, agensi penguatkuasa dari jabatan lain dan wartawan.

Sijil itu disampaikan berikut jasa dan komitmen ditunjuk-

kan dalam menyelesaikan dan membantu polis mengekang dan membanteras jenayah.

**Halatuju seterusnya menurunkan kadar kemalangan jalan raya sebanyak lima peratus berbanding 2015**

**ABDUL SAMAH**  
Ketua Polis Selangor



## SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB

**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus

**PENGARANG :** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian : syazwanisufian@mediaselangor.com

**JURUGAMBAR:** Asri Sapie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

## Tampung biasiswa pelajar JPA

# Najib digesa arah 1MDB bayar RM1.1 billion

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak digesa mengarahkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk membayar kembali geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.1 bilion.

Naib Presiden KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata dana itu diambil oleh 1MDB bagi kerja pemindahan dan naik taraf pangkalan tentera bersabit Bandar Malaysia.

Katanya jumlah RM1.1 bilion itu lebih daripada mencukupi bagi membiayai biasiswa tajaan

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dibekukan Kerajaan Persekutuan.

"Rakyat hanya tahu pemberhentian biasiswa pendidikan JPA bagi 700 pelajar untuk ijazah pertama dari petikan berita disiarkan akhbar berbahasa Cina.

"Maknanya, Najib Razak tidak berani berdepan rakyat menerangkan sendiri keputusan beliau menekan rakyat seperti itu," kata Rafizi dalam kenyataan media pada 21 Januari lalu.

Katanya, masalah Kerajaan Persekutuan memotong perun-

tukan biasiswa dan peruntukan pendidikan ini bukan perkara baru.

"Hakikatnya, sebelum pun isu pemotongan biasiswa JPA ini timbul, beribu-ribu pelajar cuba mendapatkan biasiswa atau pinjaman daripada MARA ditolak.

"Sehingga kini, difahamkan MARA masih belum membuka sistem permohonan penajaan pendidikannya," katanya.

Rafizi berkata beliau dimaklumkan MARA terpaksa menjadi orang tengah kepada bank yang menawarkan pinjaman ke-

pada pelajar pada kadar komersil.

Dalam Bajet 2016, Najib Razak memotong peruntukan biasiswa dan dermasiswa sekitar RM800 juta, sementara peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dipotong dari RM200 juta menjadi RM10 juta sahaja.

"Kegilaan itu kini diteruskan dengan pemberhentian penajaan pelajar JPA seramai 700 yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama," katanya.

**Maknanya, Najib Razak tidak berani berdepan rakyat menerangkan sendiri keputusan beliau menekan rakyat seperti itu**

**RAFIKI RAMLI**  
Naib Presiden  
KEADILAN

## ABIM: Bantu pelajar ekoran kejatuhan ringgit

**SHAH ALAM** - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menggesa Kerajaan Persekutuan prihatin terhadap kebajikan pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara akibat kejatuhan nilai ringgit.

Presiden ABIM, Mohamad Raimi Ab Rahim, berkata pelajar Malaysia merentas benua Asia Barat seperti Jordan dan Mesir atau di benua Eropah seperti United Kingdom terkesan dengan kesan tukaran wang asing dan kos sara hidup yang semakin menghimpit.

"ABIM menggesa kebajikan mereka hendaklah diberi perhatian sepenuhnya.

"Jangan gadaikan masa depan putera-puteri terbaik yang dihasilkan melalui sistem pendidikan negara dengan menafikan hak dan kebajikan mereka," kata Raimi dalam kenyataan media pada 22 Januari lalu.

Katanya beliau turut memandang berat laporan pemberhentian biasiswa Jabatan



**Mohamad Raimi**

Perkhidmatan Awam (JPA) yang dilaporkan menerusi media massa.

Pemberhentian biasiswa itu menjelaskan pelajar terbabit dan bakal mengakibatkan kerugian potensi dan sumber tenaga manusia golongan terpelajar untuk negara.

"ABIM mendesak supaya pembeiran biasiswa dikembalikan serta merta sebagai tanda komitmen pemerintah terhadap keutamaan pendidikan sebagai teras pembinaan negara dan tamadun," kata Raimi.



**SHAH ALAM** - Peruntukan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) patut dipertingkatkan dan bukannya digantung sehingga boleh menjelaskan masa depan pelajar cemerlang belajar di universiti terpilih.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, berkata keputusan penggantungan biasiswa itu bakal memberi kesan kepada 700 pelajar dalam dan luar negara.

Katanya, jika benar kekangan kewangan alasan utama bagi keputusan itu, ia membuktikan kegagalan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menguruskan ekonomi dan kewangan negara.

"Justeru, daripada memangsakan mahasiswa dan mahasiswa, kerajaan seharusnya terlebih dahulu mengatas kekritisan dan salah tadbir meru-

gikan negara," kata Zairil dalam kenyataan media pada 21 Januari lalu.

Beliau berkata Belanjawan Alternatif Pakatan Harapan 2016 yang dibentang pada Oktober 2015 menyarankan kerajaan dapat menjimatkan RM30 bilion melalui pelan penyusunan semula dan langkah pembasmian rasuh.

Katanya, antara langkah disyorkan adalah pemotongan peruntukan Jabatan Perdana Menteri yang melampau serta pemansuhan program tidak diperlukan seperti Jabatan Hal Ehwal Khas, Biro TataNegara, TalentCorp dan Program Latihan Khidmat Negara.

Tambahan pula, bilangan menteri berjumlah hampir 70 orang juga harus dikurangkan dan dirasionalisasikan.

Pada masa sama, berbilion-

bilion ringgit lagi wang kerajaan dapat dijimat melalui pelaksanaan dasar tender terbuka bagi semua perbekalan dan perolehan kerajaan.

"Jumlah diperuntukkan bagi biasiswa JPA dalam Belanjawan 2016 tidak banyak – hanya RM1.65 bilion, itu pun setelah dikurangkan daripada RM1.93 bilion bagi tahun 2015," katanya.

Zairil menggesa supaya peruntukan kritikal seperti tajaan pendidikan tidak diusik kerajaan dalam usaha penjimatan.

"Sebaliknya, kerajaan sepertinya menangani segala ketirisian, rasuah dan salah tadbir terlebih dahulu.

"Jika pengurangan perbelanjaan diperlukan sekalipun, bila larah dipotong program tidak membahrukan hasil daripada mengorbankan masa depan modal insan negara," katanya.

## Kecilkan saiz kabinet bukan beku biasiswa

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan semestinya mengecilkan saiz kabinet pentadbirannya dahulu sebelum membekukan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh berkata beliau menggesa supaya Kerajaan Persekutuan mengelakkan me-lantik menteri menggunakan 'pintu belakang' dan penasihat.

"Lagi empat tahun kita hendak capai Wawasan 2020 tetapi lihatlah negara kita sekarang. Nilai ringgit menurun, biasiswa JPA dihentikan," tulis Hannah ditwitternya pada 21 Januari



**Hannah Yeoh**

lalu.

Ahli Parlimen Seremban, Loke Siew Fook, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Na-

jib Razak digesa untuk segera membatalkan keputusan itu.

Katanya, kejatuhan mendaik harga minyak dunia yang secara langsung memberi kesan negatif terhadap sumber kewangan negara adalah di luar kawalan kerajaan.

"Jika ada peruntukan perlu dipotong atau dikurangkan, Perdana Menteri perlu menunjukkan teladan dengan mengurangkan peruntukan 'perbelanjaan mengikut budi bicaranya' dan perbelanjaan tanpa program khusus yang boleh ditangguhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri," katanya.

**KEADILAN** cabar Pengerusi SPR baru

# Laksana reformasi segera pilihan raya

**SHAH ALAM** - KEADILAN men-cabar Pengerusi Baru Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Seri Mohd Hashim Abdullah melaksanakan reformasi segera sistem pilihan raya negara dalam tempoh tiga bulan.

Pengarah Pilihan Raya KEADILAN, Nurul Izzah Anwar, berkata Hashim perlu segera menyiasat Perdana Menteri di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 atas dakwaan berbelanja melebihi had dalam pilihan raya.

Katanya, Pengerusi SPR baru mempunyai peluang untuk membuktikan SPR bebas dan adil.

"Peluang ini datang hanya sekali, Mahukah Hashim di-ingati sebagai Pengerusi SPR yang meneruskan legasi pak turut parti pemerintah, ataupun seorang yang menjalankan



Nurul Izzah

tugas seperti dalam Perlembagaan Persekutuan?" katanya dalam kenyataan media pada 21 Januari lalu.

Beliau turut mengingatkan Hashim lebih 250,000 rakyat yang turun ke jalan sebelum ini melahirkan kekecuaan ter-

hadap SPR yang dilihat sekadar mengekalkan kuasa sebuah barisan politik semata-mata.

"Rakyat gagal melihat bahawa SPR bebas dan adil," katanya. Berkenaan kes dakwat kekal, Nurul Izzah berkata, Hakim Mahkamah Rayuan Prasad Abraham dalam penghakiman beliau berkata menjadi tugas utama SPR untuk menjalankan tugas menurut Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, dalam kes itu jelas SPR tidak menjalankan tugas mereka dengan adil.

"SPR perlu berusaha mendaf-tarkan pengundi secara au-tomatik apabila mencapai umur 21 tahun, kempen pilihan raya umum lebih panjang, dan ak-ses media adil bagi semua parti politik bertanding," katanya.

## Tetap harga lantai petrol tindakan keji

**SHAH ALAM** - Tindakan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak secara senyap merancang menghalang rakyat daripada menikmati harga minyak rendah adalah tindakan terkutuk dan keji.

Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, berkata rakyat kini tidak menikmati harga rendah sebenar ekoran faktor kejatuhan nilai ringgit menyebabkan harga minyak kekal tinggi berbanding negara lain.

Katanya, jika sistem harga lantai dilaksanakan, rakyat terus dinafikan hak menikmati harga minyak sebenar.

"Najib Razak sedang pening kepala mencari sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan kerajaannya yang boros dan membazir."

"Saya beri amaran pelarasan Bajet 2016 bakal diumumkan beliau untuk tidak menyentuh



peruntukan rakyat atau mem-perkenalkan cukai tersembunyi seperti pelaksanaan sistem harga lantai," kata Rafizi dalam kenyataan media pada 21 Januari lalu.

Katanya, jika sistem pelaras-an harga lantai diperkenalkan ju-ga, beliau akan berbincang de-ngan rakan Pakatan Harapan un-tuk menganjurkan demonstrasi membantah tindakan itu.

## Kesilapan pemimpin BN, pelajar jadi mangsa

**SHAH ALAM** - Jabatan Perkhid-matan Awam (JPA) perlu meng-kaji semula cadangan menggan-tung biasiswa untuk kursus ijazah dan bursari bagi pra-universiti gara-gara kejatuhan pendapatan negara.

Naib Presiden PAS, Idris Ah-mad, berkata pelajar tidak patut menjadi mangsa sedangkan me-reka belajar bersungguh-sung-guh untuk mendapat kejayaan

mendapat biasiswa, bukan pin-jaman.

"Kenapa pelajar menjadi mangsa? Kenapa soal pendidi-kan menjadi mangsa? Apakah kita sanggup korban pelaburan jangka panjang berkenaan modal insan negara kita," kata Idris dalam kenyataan media pada 21 Januari lalu.

Beliau berkata ia membabit-kan 700 pelajar untuk ke univer-

siti tempatan dan seberang laut yang mengambil jurusan kritikal dan diperlukan negara pada masa akan datang.

"Kesilapan kerajaan BN yang ti-dak berhemah sewaktu pendapa-tan negara melimpah ruah, akhir-inya pelajar menjadi mangsa.

"Itu pun masih rasa tidak ber-salah atas apa yang berlaku. Se-baliknya beban ini dikembalikan kepada rakyat," katanya.

## Zeti harap siasatan 1MDB dimuktamad April

**KUALA LUMPUR** - Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berharap siasatan terhadap skandal 1Malay-sia Development Bhd (1MDB) dimuktamadkan sebelum tem-poh perkhidmatannya berakhir pada April ini.

Zeti berkata siasatan di-jalankan pelbagai agensi ke atas syarikat itu dan bank pusat tersebut sudah memuktamad-kan bahagiannya.

"Diharap ia dapat dimukta-madkan pada masa itu supaya saya boleh menyerahkan rekod bersih kepada gabenor yang akan datang," katanya kepada

saluran perniagaan berpangka-lan di Amerika Syarikat, CNBC dalam temu bual eksklusif.

Beliau berkata tindakan pen-guatuasaan sudah diambil dan apabila ia dimuktamadkan, hasilnya bakal dimaklumkan.

"Bagaimanapun, sudah ten-tu, bukan kami sahaja pihak berkuasa penyiasatan, terdapat juga pihak lain. Dan, ia sedang dijalankan.

"Semua orang mahu perkara itu diselesaikan supaya mata wang mencerminkan asas kita dengan lebih baik dan kita bo-leh menangani isu ekonomi," katanya.

## Laporan skandal ditangguh demi hayat politik

**SHAH ALAM** - Laporan siasatan ke atas skandal 1 Malaysian Development Berhad (1MDB) sengaja dilewat-lewatkan untuk memberi masa kepada Datuk Seri Mohd Najib Razak mengambil beberapa langkah menyela-matkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, berkata tindakan menangguh-kan laporan siasatan itu mam-pu memberi kesan terhadap kepercayaan pelabur dan nilai matawang negara.

"Dia tahu kalau umumkan hasil siasatan, yang hadapi hu-kuman beliau sendiri, jadi dia sanggup biarkan negara kita, ekonomierosot untuk selamatkan kuasa," kata Tian Chua ketika dihubungi SelangorKini pada 21 Januari lalu.

Sementara itu, Peguam Ne-gara Tan Sri Mohamed Apandi Ali berkata Najib mengembalikan



sebahagian RM2.6 bilion diteri-manya kepada keluarga Diraja Arab Saudi.

Menurut Apandi, pada Ogos 2013, sejumlah RM2.03 bilion dikembalikan kepada keluarga di-raja itu kerana dana tidak diguna-pakai.

Justeru tiada kesalahan jen-ayah serta Peguam Negara me-nigarahkan kertas siasatan ditutup.

## Perbicaraan Anwar saman Khairy diteruskan 7 Mac

**SHAH ALAM** - Kes saman fitnah dikemukakan Ketua Umum KE-ADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dite-ruskan dengan perbicaraan su-sulan gagal mencapai persetujuan melalui proses mediasi.

Perkara itu dimaklumkan peguam J Leela mewakili Anwar selepas kes disebut di dalam kamar Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, S Nanthal-Balan hari ini dengan dihadiri peguam Sarah Abisegam, me-wakili Khairy, lapor Bernama.

Leela berkata, kes saman itu diteruskan dengan perbicaraan bermula 7 Mac dengan tarikh

perbicaraan selanjutnya iaitu 8 dan 10 Mac dikekalkan.

Mahkamah juga menetapkan 19 Februari ini untuk penguru-san kes.

Pada 7 Mac, 2008 Anwar memfaikkan saman terhadap Khairy menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa Khairy, yang ketika itu Naib Ketua Pemuda Umno memfit-nahnnya dalam satu ucapan di Lembah Pantai pada 20 Februari, 2008.

Anwar mendakwa klip video ucapan defendan bertajuk "An-war and kin no threat" juga dise-barlu dalam laman sesawang termasuk Malaysiakini.com.

**KUALA LUMPUR** - OCBC Bank mengunjur pertumbuhan ekonomi negara tumbuh 4.7 peratus bagi 2016 lebih rendah berbanding pertumbuhan ekonomi 4.8 peratus pada tahun lalu.

Ketua Pakar Ekonomi OCBC Bank, Selena Ling, berkata Malaysia dijangka terus terpengaruh dengan faktor luaran seperti tahun lalu.

"Kami menjangka cerita sama untuk Malaysia tahun ini, ekonomi perlahan disebabkan kelemahan harga minyak, ketidaktentuan ekonomi dunia dan kelembapan ekonomi China," katanya dipetik Astro Awani.

Katanya, OCBC menjangka ringgit mungkin mencecah paras RM4.37 kepada dolar Amerika pada Mac 2016, diikuti RM4.44 pada Jun, RM4.51 September dan RM4.59 menjelang Disember.

Katanya, menjelang Disember, ia turut

## Ramalan ekonomi Malaysia 2016

# Inflasi meningkat, ringgit semakin lemah

menjangka ringgit diniaga pada RM4.77 berbanding Euro, RM3.79 berbanding Yen dan RM3.12 berbanding dolar Australia.

Beliau berkata, OCBC turut menjangka berlaku kenaikan inflasi disebabkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kenaikan kadar tol, kelemahan ringgit ke atas ba-

rangan diimport.

"Ringgit yang kekal rendah, bermakna akan ada inflasi yang 'diimport'."

"Perniagaan yang meneroka pasaran

baru di negara luar juga terdedah kepada turun naik ringgit dan ini menghapuskan banyak marjin keuntungan mereka," kata Ling.

## JAWATAN KOSONG ►



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
(Selangor State Development Corporation)

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI		
1.	Pegawai Keselamatan	KP41	Pengurusan & Profesional	Keselamatan & Pertahanan Awam	Gaji RM	Minimum 1,912.00	Maksimum 8,647.00
					Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	225.00	
					Elaun ITKA	300.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
2.	Pembantu Keselamatan	KP17	Pelaksana	Keselamatan & Pertahanan Awam	Gaji RM	Minimum 936.00	Maksimum 3,424.00
					Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	95.00	
					Elaun ITKA	115.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	
3.	Pengawal Keselamatan	KP11	Pelaksana	Keselamatan & Pertahanan Awam	Gaji RM	Minimum 837.00	Maksimum 2,619.00
					Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	80.00	
					Elaun ITKA	95.00	
					Elaun ITP	300.00	
					Elaun COLA	300.00	

### TEMUDUGA TERBUKA

Mempelawa calon-calon yang memenuhi syarat kelayakan untuk menghadiri TEMUDUGA TERBUKA pada :

**30 JANUARI 2016 (Sabtu) | 8.30 pagi – 5.00 petang**  
Dewan Kemajuan Tingkat 4, Kompleks PKNS Shah Alam.

#### 2. SYARAT LANTIKAN – PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [Gaji Permulaan: RM1,912.00]; atau
- iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [Gaji Permulaan: RM2,116.00]; atau
- iv) Bekas Penolong Pengguna PDRM atau Kapten ATM atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik [Gaji Permulaan: RM1,912.00].
- v) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - d) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
  - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - f) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 3. SYARAT LANTIKAN – PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP17

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau [Gaji Permulaan: RM936.00]
- iii) Bekas Anggota Polis atau Tentera yang berpangkat Sarjan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan [Gaji Permulaan: RM927.03]; atau
- iv) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.6m;
  - b) memenuhi ukuran indek Jisim Badan (BMI) antara julat 19 hingga 26;
  - c) mempunyai ukuran dada sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - d) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
  - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - f) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 4. SYARAT LANTIKAN – PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan [Gaji Permulaan: RM837.00]; atau
- iii) Bekas Anggota Polis atau Tentera yang berpangkat Sarjan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan [Gaji Permulaan: RM837.00]; atau
- iv) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
  - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - d) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
  - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - f) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 5. CARA MEMOHON

- i) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang dimuat turun melalui laman web <http://www.pkns.gov.my>.
- ii) Tarikh tutup permohonan pada **30 Januari 2016**.
- iii) Bawa bersama Borang Permohonan Jawatan, RESUME, Sijil-sijil akademik (asal & salinan) dan gambar berukuran passport pada hari temu duga.
- iv) Sila hadir dengan berpakaian sukan yang lengkap.

## Ramalan Ekonomi Malaysia 2016

### Kadar Ringgit Malaysia /1 USD

Mac	RM4.37
Jun	RM4.44
September	RM4.51
Disember	RM4.59

Sumber OCBC Bank

# MB: UPEN kaji semula air mentah Pahang

**SHAH ALAM** - Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) sedang mengkaji kualiti bekalan air mentah daripada Pahang sebelum menentukan sebarang tindakan susulan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kajian itu penting berdasarkan perkembangan semasa apabila Kerajaan Pahang membenarkan pelombongan bauksit sehingga menyebabkan sungai dan laut menjadi merah.

"Kerajaan Negeri sudah mengambil ketetapan membuat kajian kualiti air dibekalkan dari Pahang ekoran aktiviti perlombongan bauksit.

"Dalam perjanjian apabila kita teliti semula, Pahang menjanjikan air dibekalkan itu adalah air berkualiti dan menjamin keselamatan pengguna," katanya kepada media selepas merasmikan Program Pemelibaran Hutan di Aeon Mall Shah Alam pada 23 Januari lalu.

Berdasarkan perjanjian air ditandatangani pentadbiran sebelum ini menyaksikan Pahang bakal membekalkan air mentah kepada Selangor dalam Projek Langat 2.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri bertanggungjawab terhadap kualiti bekalan

**Sudah tentu air ini dirawat tetapi kalau ia dalam kategori empat atau membahayakan, pastinya kos untuk merawat air ini lebih besar dan membebangkan rakyat**

air kepada rakyat dan keputusan kajian diketahui dalam tempoh dua bulan.

"Sudah tentu air ini dirawat tetapi kalau ia dalam kategori empat atau membahayakan, pastinya kos untuk merawat air ini lebih besar dan membebangkan rakyat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) sudah mengadakan perbincangan khas mengenai fenomena El Nino.

Katanya, persiapan dibuat bagi memastikan bekalan air kepada rakyat mencukupi dan tidak diganggu ekoran El Nino dijangka berlaku dalam tempoh panjang sehingga September 2016.

# Biasiswa dipotong, menteri mewah tutup mata

**HULU SELANGOR** - Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak dibidas susulan kajian semula pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar cemerlang.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata lebih mengecewakan apabila Najib langsung tidak melakukan pemotongan peruntukan Belanjawan 2016 yang bersifat mewah.

"Baru-baru ini Kerajaan Persekutuan membatalkan 700 biasiswa anak-anak kita di bawah JPA.

"Persoalannya mengapa pendidikan

yang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melahirkan pelajar berilmu dan bersaing dipotong, tetapi perbelanjaan mewah lain tidak disentuh," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah Kepada Peneroka Felda Sungai Tengi Selatan di Dewan Serbaguna, di sini, pada 22 Januari lalu.

Terdahulu, laporan media menyebut bahawa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah merombak semula Belanjawan 2016 susulan kemerosotan ekonomi negara.

Ia juga dipengaruhi kejatuhan nilai ringgit dan minyak mentah dunia.

## Peneroka uzur terkejut Azmin muncul serah hak milik

**SHAH ALAM** - Seorang peneroka terkejut ketidakhadirannya pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah mendapat perhatian Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Hamzah Abdul Jalil sepatutnya bersama 137 peneroka lain menerima hak milik, namun faktor dirinya yang lumpuh kesan kemalangan merencangkan niat itu.

Bagaimanapun, bekas Pengawal Keselamatan Universiti Selangor (UNISEL) Kampus Bestari Jaya itu terharu apabila Mohamed Azmin hadir ke rumahnya untuk menyerahkan sendiri hak milik tanah.

"Bila diberitahu Menteri Besar hendak datang untuk serahkan geran hak milik, saya rasa gembira dan tersentuh."



### Usaha dirintis selesai isu peneroka Sungai Buaya

**HULU SELANGOR** - Kerajaan Selangor sudah memulakan perbincangan dengan wakil bekas peneroka Felda Sungai Buaya bagi menyelesaikan isu tanah yang membabitkan 363 peneroka.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata beliau turut mengadakan perbincangan dengan mantan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib untuk mengenal pasti latar belakang isu itu.

"Saya mengadakan pertemuan untuk cari jalan penyelesaian dengan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib kerana beliau tokoh terlibat secara langsung me-

sebab tidak sangka beliau sendiri sanggup ke sini," katanya kepada SelangorKini pada 22 Januari lalu.

Seorang lagi penerima, Kamaluzaman Kamarul Baharin yang juga tidak hadir ke majlis sama ekoran uzur tidak dapat menyembunyikan perasaan terharunya ketika dikunjungi Mohamed Azmin.

"Saya jadi begini selepas kemalangan Julai tahun lalu, mula-mula kaki Bengkak sahaja tetapi makin mlarat sampai tidak boleh berjalan.

"Bila dapat tahu Kerajaan Negeri mahu bergeran, saya terkejut besar kerana tanah belum habis bayar tetapi geran sudah dapat dan diserahkan Menteri Besar sendiri," katanya.

Selain menyerahkan dokumen hak milik tanah, Mohamed Azmin turut menyampaikan bantuan lain seperti kerusi roda dan wang tunai sumbangan Exco Kerajaan Negeri dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada dua peneroka terbabit.



Penyerahan hak milik tanah peneroka Felda Sungai Tengi

## 139 peneroka syukur dapat Menteri Besar prihatin

OLEH NAZLI IBRAHIM

**HULU SELANGOR** - Keringat 139 peneroka Felda Sungai Tengi Selatan di sini apabila mengusahakan tanah dengan hasil pertanian dan membangunkan kediaman untuk keluarga selama 27 tahun dianggap berbaloi.

La susulan peneroka felda itu menerima hak milik tanah daripada Kerajaan Negeri yang diserahkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beberapa peneroka yang ditemui SelangorKini menganggap pemberian itu sebagai hari bersejarah yang tidak dapat dilupakan. "Saya sangat bersyukur ker-

na ini sahajalah tanah yang kami ada untuk meneruskan kehidupan selepas suami meninggal dunia beberapa tahun lalu," kata ibu tunggal, Noraini Bera @ Arshad, 51, dengan nada sebak.

Abdul Ahmad Aziz, 64, pula mengalirkan air mata kegembiraan dan merasa bertuah kerana rakyat Selangor memiliki Menteri Besar prihatin terhadap masalah rakyat.

"Saya menunggu begitu lama, hari ini hari yang menggembirakan saya. Saya berbangga kerana Selangor ada Menteri Besar prihatin," katanya pada 22 Januari lalu.

Sementara itu, Mohamad Mohsin Kassim, 56, pula bersyukur atas kesungguhan Kerajaan

Negeri menyelesaikan isu tanah di kawasan itu yang berlarutan sejak sekian lama.

"Lama dahulu ada yang berjanji tetapi janji tidak ditepati, tetapi hari ini di bawah Menteri Besar sekarang, barulah dapat hak milik tanah kami."

"Tanah ini kami sudah lama usahakan, sudah 27 tahun kami teroka. Bila hari ini dapat hak milik tentulah terharu sukar hendak bayangkan gembiranya."

"Saya seru kepada semua penerima hari ini supaya jagalah tanah ini baik-baik, jangan sampai tergadai kerana inilah tanah yang kita ada dan tidak boleh dapat lagi," katanya.

## Generasi kedua bakal miliki kediaman

**HULU SELANGOR** - Generasi kedua Felda Sungai Tengi di sini berpeluang memiliki kediaman sendiri melalui pembinaan 136 unit rumah berkembar setingkat oleh Kerajaan Negeri.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia bagi membolehkan mereka tetus menetap di situ, sekaligus merapatkan keharmonian dan ukhuwah keluarga.

Katanya, penduduk hanya perlu membayar RM97,000 untuk mendiami rumah berkeluasan 850 kaki persegi berbanding harga asal RM160,000 dengan kos pembinaan infrastruktur RM7.65 juta ditanggung Kerajaan Selangor.

"Pada 9 September 2015 dalam

mesyuarat Exco lalu, kita panggil Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) supaya mulakan pembinaan rumah terbabit di atas tanah seluas 17 ekar.

"PKNS sudah memulakan proses dan kontrak dikeluarkan tahun ini, manakala kerja pembinaan bermula pada Jun ini," katanya pada Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah kepada 139 peneroka Felda Sungai Tengi Selatan di sini, pada 22 Januari lalu.

Pengumuman Mohamed Azmin itu mendapat sorakan dan tepukan gemuruh orang ramai yang memenuhi Dewan Serbaguna di kawasan itu termasuk golongan usahawan.

"Kalau hendak buat pinjaman

**PKNS sudah memulakan proses dan kontrak dikeluarkan tahun ini, manakala kerja pembinaan bermula pada Jun ini**

bank sebanyak RM5,000 pun cukup susah untuk dapat, tetapi Kerajaan Selangor menawarkan pinjaman mikrokredit di bawah skim Pinjaman HIJRAH.

"Rakyat boleh pinjam antara RM5,000 hingga RM50,000 tanpa faedah bagi mereka yang berminal memulakan perniagaan," katanya.

## Laporan Belanjawan 2015 SelangorKini pendekatan telus

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyifatkan 'Kad Laporan Belanjawan Selangor 2015' dimuatkan akbar SelangorKini pada akhir 2015 adalah pendekatan bertanggungjawab terhadap rakyat.

Mohamed Azmin berkata, laporan sisipan khas itu mendahului pencapaian Belanjawan Selangor 2015 kepada pembaca akbar media rasmi Kerajaan Selangor itu.

"Kita tidak ada perkara hendak sorok kerana ini khazanah negeri, rakyat berhak mengetahui perbelanjaan diuruskan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri menguruskan belanjawan dan rakyat berhak mengetahui pengurusan perbelanjaan itu.

"Ini pendekatan bertanggung-

jawab bagi memastikan pengurusan ekonomi negeri diteruskan telus dan terbuka demi kepentingan negeri dan rakyat," kata Mohamed Azmin kepada SelangorKini.

Ketika mengulas pencapaian belanjawan 2015, Mohamed Azmin mahu semua pihak tidak cepat berpuas hati dengan pencapaian diperolehi.

Terdahulu, SelangorKini pada keluaran 1-8 Januari lalu menerbitkan laporan kemajuan program dalam Belanjawan Selangor 2015 yang dibentangkan pada 24 November 2014.

Usaha itu dibuat selepas mengambil kira persoalan dalam kalangan masyarakat terhadap kemajuan program Kerajaan Persekutuan.

## Selangor negeri pertama bentang kemajuan belanjawan di DNS Sentiasa di hadapan bukti wibawa

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor membuktikan kewibawaan sebagai peneraju pelbagai aspek apabila banyak mengeluarkan idea segar dan bernes bagi kesajahteraan dan kualiti perkhidmatan rakyat dipertingkatkan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ini termasuk langkah terbaru menubuhkan jawatankuasa pemantau kemajuan belanjawan diketuai Setiausaha Kerajaan

Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya dan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS) setiap tiga bulan.

"Jawatankuasa ini melibatkan semua jabatan, dan agensi kerana kita tidak mahu perbelanjaan dibentangkan dan diluluskan itu tidak dapat dilaksanakan disebabkan birokrasi, kecuaian atau kelewatan.

"Jawatankuasa tertinggi ini dibentuk bagi memastikan pengumuman dan kelulusan belanjawan dilaksanakan dalam tem-

poh ditetapkan," kata Mohamed Azmin kepada SelangorKini.

Beliau berkata apabila akaun negeri ditutup pada 31 Disember 2015 beliau berbincang dengan Pegawai Kewangan Negeri, perlunya dilaporkan pencapaian kepada rakyat.

Pada masa sama, katanya Kerajaan Negeri tidak mahu selesa dengan kejayaan itu dan bersikap muhasabah bagi memastikan kelemaahan diperbaiki.

"Jawatankuasa pemantau kemajuan belanjawan ini melaporkan kemajuan program diumumkan dalam belanjawan tahunan kepada Menteri Besar dan dibentangkan di DNS pada setiap tiga bulan untuk diperhalusi," katanya.

Beliau berkata, langkah itu juga seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri sebagai kerajaan telus dan berintegriti kepada rakyat dalam semua aspek pentadbirannya.

Terdahulu, walaupun dilabel kerajaan mentah pengalamannya, pentadbiran Kerajaan Negeri pasca Pilihan Raya Umum ke-12 menjadi peneraju dalam pelbagai aspek sekaligus memberi dimensi baru persaingan meraih keyakinan dan kepercayaan rakyat.

Antara program dicemburui Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) lain, program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang menawarkan 16 skim untuk semua lapisan umur.

Selain itu, Kerajaan Negeri menjadi peneraju memperkenalkan Rumah Mampu Milik (RMM) sebelum ditiru Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri lain.

Selain RMM, skim lain menjadi ikutan adalah program pembebasan air percuma, bas percuma, Jom Shopping, Skim Ceria, Pembelian 10 Peratus Pendahuluan Membeli Rumah, Skim Khairat Kematian untuk peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dan beberapa skim lain.

Manakala program Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M) yang menawarkan baucar buku bernilai RM200 kepada pelajar pengajian tinggi, walaupun mempunyai mekanisme berbeza tetapi mirip kepada Skim Hadiah Anak Masuk Universiti yang menawarkan bantuan bernilai RM1,000 oleh Kerajaan Negeri.



### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
No Tender: WHB/PU/OT/PRO/3/16  <b>CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN PERNIAGAAN DI ATAS PT 2141 (LOT 3876) HS(D)2618, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD - SUPPLY, DELIVERY, PLANT, ERECTION, INSTALLATION &amp; COMPLETION OF LANDSCAPE WORKS SDN. BHD.</b>	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor  <b>Gred : G5 – G7</b> <b>Kategori : B09</b> <b>Pengkhususan : LANDSKAP</b>	Bayaran Dokumen Tender <b>RM130.00</b> kepada MLA Landscape Architects Sdn Bhd (Tidak akan Dikembalikan)	<b>18 Januari 2016</b> <b>Sehingga</b> <b>29 Januari 2016</b>  <b>Di pejabat:-</b> MLA LANDSCAPE ARCHITECTS SDN. BHD. 26, Persiaran Zaaba, Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur  T: 03-7728 5299  <b>Waktu Pejabat</b> Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30tgh 2.00ptg - 6.00 ptg  <b>Tarikh Tutup Tender:-</b> Sebelum atau pada jam 12.00tgh, 10 Februari 2016 (Rabu)
No Tender: WHB/PU/OT/ENV/4/16  <b>PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA DAN PENGANGKUTAN BAGI KERJA-KERJA OPERASI DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH TANJUNG DUABELAS (TG12SL) DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN</b>	-	Bayaran Dokumen Tender <b>RM50.00</b> (Tidak akan Dikembalikan)	<b>18 Januari 2016</b> <b>Sehingga</b> <b>29 Januari 2016</b>  <b>Di pejabat:-</b> WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD No.1, Worldwide @ 7 Lot 24, Jalan Lazuardi 7/29 Seksyen 7, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan  T: 03-5510 2525 F: 03-5510 9795  <b>Waktu Pejabat:</b> Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30 tgh 2.30ptg - 5.00 ptg  <b>Tarikh Tutup Tender:-</b> Sebelum atau pada jam 12.00tgh, 10 Februari 2016 (Rabu)
No Tender: WHB/PU/OT/ENV/5/16  <b>PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA DAN PENGANGKUTAN BAGI KERJA-KERJA TANAH DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH TANJUNG DUABELAS (TG12SL) DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN</b>	-	Bayaran Dokumen Tender <b>RM50.00</b> (Tidak akan Dikembalikan)	  <b>Waktu Pejabat:</b> Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30 tgh 2.30ptg - 5.00 ptg  <b>Tarikh Tutup Tender:-</b> Sebelum atau pada jam 12.00tgh, 10 Februari 2016 (Rabu)

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

**JABATAN PEROLEHAN**  
**WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD**  
**ARAS 4, NO 1 WORLDWIDE@7**  
**JALAN LAZUARDI 7/29**  
**40000 SHAH ALAM**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

No. Tel : 03-55102525 No. Fax 03-55104448

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan

No Syarikat : 6430-P

# Pembangunan dan pemuliharaan Sungai Klang Jana limpahan ekonomi RM10 bilion

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Dianggarkan minimum RM10 bilion boleh dijana Kerajaan Selangor jika pembangunan Sungai Klang berjaya dipulihkan dalam tempoh ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri, Dr Fahmi Ngah, berkata usaha memelihara dan memulihara sungai itu sudah bermula sejak 2009, namun hanya satu fasa berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

"(Jika berjaya dilaksanakan), sudah tentu kita mampu manarik pengusaha hotel, restoran, butik atau pengusaha sukan air sedunia selain pusat penempatan untuk dimajukan," katanya kepada SelangorKini pada 20 Januari lalu.

Pada masa sama, Fahmi berkata, Perbadanan Sungai Klang bakal diwujudkan dalam tempoh terdekat bagi memudahkan usaha pemeliharaan dan pemulihara-



an sungai itu secara berterusan.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu boleh dilaksanakan jika tiada masalah perundangan.

"Kita melihat penubuhan perbadanan bagi memastikan keberkesaan pelaksanaan, namun isu perundangan perlu diteliti terlebih dahulu."

"Kita memerlukan pelan tinda-

kan agresif dan berkesan, maka perbadanan itu harus diwujudkan," katanya.

Projek pemuliharaan Sungai Klang bermula sejak 2009 dengan pelbagai fasa, antaranya kebersihan, pembangunan berimpak, perluasan pembangunan dan pembangunan direalisasi.

## Wajah baru dalam tempoh 10 tahun

**SHAH ALAM** - Sungai Klang bakal menjalani proses pembangunan dan pemuliharaan bagi memastikan ia berubah wajah dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor, Hassan Yaakob, berkata pihaknya kini sedang giat menjalankan kajian bagi menjayakan usaha itu.

Katanya, ia termasuk rancangan pembinaan pelbagai produk pelancongan dan sistem pengangkutan untuk diketengahkan.

"Sebelum ini ada kajian untuk tujuan pulihara sungai, namun apa yang saya perolehi selepas ditukarkan di sini, fail hanya 'dibentang' dalam almari."

"Sebab itu kita perlu merangka hasil sebelum ini untuk dilaksanakan," katanya pada Bengkel Pelan Tindakan Pembangunan dan Pemuliharaan Sungai Klang, di Kelab Shah Alam, pada 20 Januari lalu.

Antara cadangan bakal diketengahkan adalah 'coffee table' untuk diperkenalkan di persisiran sungai dan pengangkutan teksi

serta bas sungai terus ke Kuala Lumpur.

Hassan berkata, JPBD menasarkan sekurang-kurangnya Sungai Klang berubah wajah ke tahap dua yang mengambil masa keseluruhan antara sepuluh hingga 30 tahun.

Pada masa sama, katanya, pihaknya mahu Sungai Klang dapat berfungsi sebagai sumber air untuk menampung bekalan air di Lembah Klang.

"Di Selangor, banjir tetapi kita tidak cukup air sebab pengurusan sumber air tidak boleh dieksplotasikan."

"Kerajaan Negeri terpaksa menggunakan air lombong, jadi dengan adanya pelan ini nanti kita dapat membantu kelangsungan sungai kembali pada asal," katanya.

Bengkel selama dua hari itu membabitkan pembentangan kertas kerja Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri, Dr Fahmi Ngah; Timbalan JPBD negeri, Hassan Yaakob dan Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Datuk Mohd Azmi Ismail.

## Pelengkap 'lompong' pelan SPAD

**KLANG** - Cadangan Pelan Induk Pengangkutan Awam negeri bakal melengkapkan pelan disediakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata ia susulan perancangan Kerajaan Persekutuan hanya menumpukan pengangkutan awam ke Kuala Lumpur.

"Apa yang kita nampak laluan itu hanya menumpukan masalah lalu lintas di ibu kota, tetapi apa manfaat untuk Selangor? Itu tidak diambil kira."

"Jadi, kita mahu sambungkan laluan pengangkutan awam merangkumi Mass Rapid Transit

(MRT), Aliran Transit Ringan (LRT) dan komuter terus ke Klang.

"Cadangan kita adalah seperti jejarai atau bulatan untuk manfaat rakyat, contohnya mereka tidak perlu tukar komuter beberapa kali hanya untuk sampai ke Klang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Dialog Pelan Induk Pengangkutan Awam Selangor di Dewan Hamzah, di sini pada 20 Januari lalu.

Ia bertujuan memberi penerangan jelas kepada masyarakat berkenaan projek pengangkutan awam yang sedang dirancang Kerajaan Negeri.

Pada masa sama, Chang Khim, berkata Kerajaan Negeri bercadang membina beberapa rel

komuter baru sepanjang 175 kilometer daripada pelbagai kawasan terus ke Pelabuhan Klang.

Manakala bagi MRT, katanya, laluan sepanjang 76 kilometer dicadangkan untuk menyambung perkhidmatan sedia ada supaya ia memberi manfaat kepada penduduk di Petaling Jaya dan Ampang Jaya.

"Kita mencadangkan laluan LRT dari Klang ke Shah Alam, termasuk sambungan ke Gombak, Selayang dan Kepong serta sambungan Shah Alam ke Putrajaya.

"Perkhidmatan ini perlu lengkap supaya destinasi dari satu tempat ke tempat lain lebih dekat dan memudahkan pengguna," katanya.

## Pelan induk tingkat mutu pengangkutan awam

**KLANG** - Pelan Induk Pengangkutan Awam Selangor dijadikan dokumen rujukan asas ke arah perancangan pengangkutan awam mencukupi, selamat, strategik dan komprehensif.

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata perunding berkelayakan dilantik bagi melaksanakan kajian selama enam bulan mulai Ogos 2015 hingga Februari 2016.

Katanya, ia susulan kepentingan dokumentasi perancangan untuk membantu hala tuju pengangkutan awam di negeri itu.

"Hasil kajian digunakan sebagai dokumen komprehensif bagi panduan serta hujah Kerajaan Negeri melaksanakan nisbah 60:40 pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian."

"Pelan itu memberi lakaran baru jajaran pengangkutan awam bagi merangka sistem pengangkutan awam menepati kehendak rakyat selaras dengan Agenda Membangun Smart Selangor Yang Peduli."

"Ia juga dijadikan dokumen tanah dan melengkapi perancangan pengangkutan awam di Lembah Klang oleh Kerajaan



Teng Chang Khim

Persekutuan," katanya pada Dialog Pelan Induk Pengangkutan Awam Selangor di Dewan Hamzah Klang, pada 20 Januari lalu.

Pada masa sama, Chang Khim berkata, dialog itu dapat memberi penerangan jelas kepada orang awam berkenaan projek dirancang Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, pandangan orang ramai dialu-alukan untuk melengkapi pelan induk terbabit sebelum kajian tamat pada Februari depan.

"Kita mahu semua pihak memberikan idea dan pendapat beras bas sebelum penemuan ditamatkan dan pelan induk berkenaan dikeluarkan," katanya.

## Langgar gaji minimum: 72 majikan didenda

**SHAH ALAM** - Sebanyak 72 majikan di Selangor didenda berjumlah RM134,600 sepanjang 2015 kerana gagal mematuhi Perintah Gaji Minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Selangor, Mohd Asri Abd Wahab, berkata kesemua majikan didakwa dengan 196 pertuduhan di Mahkamah Majistret di sini mengaku bersalah dengan pertuduhan itu.

"Selain itu, 43 majikan dikenakan kompaun atas pelbagai kesalahan melanggar peruntukan

undang-undang di bawah Akta Kerja 1955.

"Jumlah bayaran kompaun dikutip sebanyak RM93,200," katanya dalam kenyataan pada 21 Januari lalu.

Katanya dalam tempoh sama, Pasukan Khas Penguatkuasaan JTK negeri juga menyiasat tiga aduan berkenaan isu eksplorasi buruh paksa dan pemerdagangan manusia di bawah Akta Antiperdagangan Orang dan Penyeledupan Migran 2007.

Mohd Asri berkata, tiga kes itu diselesaikan dan satu daripada

majikan terlibat didakwa di Mahkamah Sesyen Kajang serta dikenakan denda RM50,000.

"Seorang majikan mengeksploitasi lima warga saing dan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kajang, baki dua kes pula melibatkan dua mangsa bekerja sebagai pembantu rumah."

"Kesemua tujuh mangsa warga asing diselamatkan itu diantar pulang ke negara asal setelah mendapat bayaran gaji tertunggak berjumlah RM68,000 daripada bekas majikan masing-masing," katanya.



01



02



03



04



05



06



07



08



09

- 01** Adun Sijangkang, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi hadir meraikan 400 peserta Jom Shopping Tahun Baru Cina peringkat DUN terbabit
- 02** Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar beramah mesra sambil mengedarkan kalendar 2016 kepada penduduk di parlimen itu
- 03** Adun Permatang, Sulaiman Razak bersama-sama menghadiri Program Taklimat dan Penyampaian Anak Ayam Kampung kepada 25 peserta
- 04** Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong mewakili Kerajaan Selangor menyampaikan bantuan pendidikan fasa 2 kepada SJKC Batang Kali
- 05** Adun Hulu Kelang, Saari Sungib menyampaikan bayaran pertama RM1,000 Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada tujuh waris di DUN itu
- 06** Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Haslan menziarahi dan menyampaikan sumbangan bantuan kepada mangsa kebakaran di Tanjung Layang, Mukim Batu
- 07** Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama pemimpin setempat mengedarkan losyen pencegah nyamuk dan pelekat Kempen Mengutamakan Keselamatan Kanak-Kanak di Pangaspuri Angsana USJ
- 08** Adun Meru, Dr Abd Rani Osman minum bersama penduduk kampung sambil melayani aduan mereka di Warung World Jalan Limau sebelum membungkus roti canai dan nasi lemak untuk sarapan petugas di PKM DUN Meru
- 09** Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz turun padang membuat lawatan ke Kampung Ampang Indah meninjau kawasan tanah runtuh dan banjir bersama pegawai MPAJ dan penduduk
- 10** Adun Chempaka, Dato' Iskandar Abdul Samad bersama antara 300 peserta Program Jom Shopping Tahun Baru Cina DUN Chempaka di Giant Pandan Kapital

## Cabaran JPNS hadapi pencerobohan

# Kekal 30 peratus khazanah hutan simpan demi masa depan

Hutan berperanan sebagai pengimbang ekosistem dan tahanan air, namun pembangunan pesat perbandaran dan aktiviti manusia mengancam kelestarian alam seterusnya mengundang bencana.

Sebagai negeri maju, Selangor turut berhadapan lonjakan perkembangan pesat untuk memastikan keselesaan terus dinikmati rakyat.

Namun, cabaran getir perlu dihadapi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) bagi memastikan polisi 30 peratus hutan simpan kekal di negeri itu daripada ancaman pencerobohan dan penerokaan haram.

Ikuti temubual eksklusif wartawan SelangorKini, AFIX REDZUAN bersama Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, DR MOHD PUAT DAHALAN

### Berapakah keluasan hutan simpan kekal yang dimiliki Selangor?

Keluasan kawasan hutan di Selangor adalah 250,129 hektar. Jumlah itu agak besar bagi negeri yang sedang pesat membangun. Kita terbahagi kepada tiga daerah hutan, pertama Daerah Hutan Pantai Klang, Daerah Hutan Selangor Tengah dan Daerah Hutan Hulu Selangor.

Daripada tiga daerah hutan, Pantai Klang adalah daerah paling luas kerana mempunyai ketiga-tiga jenis hutan; hutan laut, hutan bukit dan hutan paya gambut.

### Bagaimana perkembangan kes pencerobohan hutan dan apakah puncanya?



Kes pencerobohan tidak di-nafikan memang berlaku tetapi dalam bentuk berskala kecil kerana kita sedang mengamalkan dasar moratorium. Ia dasar tidak membenarkan pengusahaan balak di dalam hutan simpan kekal Selangor.

Sejak 2010 dasar ini digunakan dan diterima pakai sehingga 25 tahun akan datang. Hasil pe-

nguatuasaan berterusan dan serius, kita dapat mengekang dengan baik.

Antara bentuk pencerobohan adalah untuk berkebun. Kita dapat kesan dan ambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Perhutanan Negara.

Biasanya ada kes yang kita kompaun dan bawa ke mahkamah. Kes seperti di hutan paya laut di Pantai Klang, kita berjaya mengadakan rondaan bersepada bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan polis marin, kita dapat menangkap bot membawa kayu jaras ke pelabuhan.

Tindakan sudah diambil dan kayu itu kita sudah buat lelongan. Punca utama pencerobohan biasanya untuk aktiviti pertanian. JPNS sedang giat melakukan rondaan dan aktiviti penguatkuasaan.

### Apakah langkah diambil untuk meningkatkan kawalan daripada berlakunya pencerobohan hutan?

Kita cuba memperkasakan bahagian penguatkuasaan hutan. Langkah ini dapat memberikan impak positif bagi menjaga hutan simpan yang berpotensi diceroboh.

**Apabila bercakap berkenaan pemuliharaan hutan, JPNS tidak lari daripada aktiviti penanaman pokok. Bagi 2015, setiap bulan kita mengadakan aktiviti itu selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor dan hasrat Menteri Besar supaya ia dipergiatkan.**



- Selangor memiliki keluasan hutan 250,129 hektar
- Tiga daerah hutan di Selangor adalah Hutan Pantai Klang, Daerah Hutan Selangor Tengah dan Daerah Hutan Hulu Selangor
- JPNS menggunakan 5 pucuk pistol dan 10 'pump gun' untuk penguatkuasaan
- Dron digunakan untuk memantau hotspot hutan mudah terbakar
- Sebanyak 20 tangkapan dilakukan ekoran pencerobohan hutan

Kita memperoleh sejumlah lesen untuk penggunaan senjata api. Setakat ini kita mempunyai lima pucuk pistol dan 10 'pump gun'. Kesemua senjata api ini digunakan untuk penguatkuasaan.

Untuk 2015, kita diberikan peruntukan menambah bilangan kenderaan pacuan empat roda (4x4) untuk kita gunakan semasa aktiviti rondaan.

### Strategi JPNS memulihara hutan simpan


### Apakah langkah yang diambil untuk memulihara hutan simpan?

Apabila bercakap berkenaan pemuliharaan hutan, JPNS tidak lari daripada aktiviti penanaman pokok. Bagi 2015, setiap bulan kita mengadakan aktiviti itu selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor dan hasrat Menteri Besar supaya ia dipergiatkan.

Kita menanam pokok khususnya di Hutan Simpan Raja Musa, Hulu Selangor. Kerjasama erat bersama agensi tertentu dan NGO menjadikan ia sebagai aktiviti tahunan. Kita juga meneruskan tanaman mengaya (enrichment planting) dan sulaman. Ia dibuat secara berjadual dan sistematis serta dimasukkan dalam peruntukan tahunan.

Di samping itu, aktiviti pemuliharaan hutan laut turut di-





jalankan dengan giat di pesisir pantai. Umum mengetahui hutan sangat penting dalam mengekang hakisan tanah selain mengekalkan hasil sumber protein untuk negeri dan negara.

Dengan adanya hasil hutan paya laut yang stabil, ini akan membuatkan hidupan marin dapat membiak dengan baik. Kita perlu jaga hutan paya laut supaya dapat diwarisi generasi akan datang.

Sehingga September 2015, hampir 900,000 pokok sudah kita tanam dengan kerjasama pelbagai pihak.

Antara NGO yang terlibat adalah Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), Global Environment Center (GEC) dan Pelindung Khazanah Alam (PEKA). Agensi swasta juga terlibat dalam aktiviti ini antaranya Hong Kong & Shanghai Bank dan institusi pengajian tinggi.

**Bagaimana prosedur dilakukan jika terdapat sebarang permohonan mengambil tanah hutan untuk projek pembinaan lebuh raya?**

Kawasan hutan diganti biasanya melibatkan projek pembangunan dan jumlah penggantian melibatkan jumlah keluasan tanah diambil.

Sepanjang 2015 penggantian tanah melibatkan jajaran Lebuhraya Lembah Kelang Timur (EKVE) disebabkan kawasan itu diwarta keluar daripada hutan simpan se-luas 106 hektar.

Untuk Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH), ia melibatkan empat hektar tanah dan masih dalam proses pewartaan keluar dan penggantian.

Sebelum ini, projek Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) juga sudah diselesaikan dan tanah yang diambil sudah diganti melibatkan keluasan 7.56 hektar.

Secara keseluruhan, proses

## Pewartaan keluar menyaksikan tanah itu menjadi Hutan Tanah Negeri sebelum diwartakan kepada pihak tertentu. Kita mahu pewartaan keluar dan masuk tanah kekal berimbang 30 peratus selaras dengan polisi

penggantian dan pewartaan keluar hutan yang diambil untuk projek pembangunan berlaku secara serentak di Selangor.

Sumber tanah yang diganti adalah tanah milik atau tanah negeri. Kita mahu mengekalkan polisi 30 peratus keluasan tanah di Selangor dalam bentuk Hutan Simpanan Kekal.

Prosesnya panjang. Pertama perlu mendapat kelulusan dasar daripada pihak berkuasa negeri. Setelah mendapat kelulusan, kita bawa kepada jabatan teknikal untuk mendapat ulasan dan kelulusan dalam bentuk dokumen.

Proses pendengaran awam juga dilakukan serentak dan diikuti dengan laporan kepada pihak berkuasa negeri. Selepas selesai ia akan memasuki proses pewartaan keluar.

Sebelum proses pewartaan keluar, jika tanah itu mempunyai hasil mahsul yang boleh dimanfaatkan Kerajaan Negeri, ia akan dikeluarkan terlebih dahulu.

Pewartaan keluar menyaksikan tanah itu menjadi Hutan Tanah Negeri sebelum diwartakan kepada pihak tertentu. Kita mahu pewartaan keluar dan masuk tanah kekal berimbang 30 peratus selaras dengan polisi.

**Apakah peruntukan perundangan yang biasa digunakan un-**

## tuk mendakwa penceroboh hutan simpan?

Kebiasaannya mereka yang menceroboh hutan simpan untuk pertanian. Kita segera ke lokasi dan melaksanakan tin-dakan undang-undang selepas mendapat makluman.

Untuk 2015, sebanyak 25 tangkapan sudah dilakukan. Ada kes yang dikenakan kompaun serta dibawa ke mahkamah. Kita menang dua kes di mahkamah tahun ini.

Antara akta yang kerap digunakan adalah Seksyen 81, Seksyen 83 dan Seksyen 84 Akta Perhutanan Negara 1985.

## Dron dan satelit angkasa lepas jejak penceroboh

### Berdasarkan perkembangan teknologi semasa, adakah JPNS menggunakan dron untuk memantau hutan daripada penceroboh dan pembakaran?

JPNS menggunakan dron untuk memantau kawasan hotspot yang mudah terbakar. Kita sudah cuba menggunakan di Hutan Simpan Raja Musa dan kita mendapati ia bersesuaian.

Cuma sekarang kita kena bekerjasama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) kerana mereka mempunyai kemudahan dron InsyaAllah dalam 2016 supaya keadaan hutan terkawal.

Kita juga mempunyai peruntukan untuk pemantauan melalui udara sebanyak dua kali setahun. Cara ini lebih cepat dan mudah disebabkan dengan menaiki helikopter kita dapat melihat kebaikan atau pencerobohan yang berlaku.

Untuk 2015, kita berjaya mengesan penebangan hutan paya laut melalui pemantauan udara. Pada masa sama, kita menggunakan aplikasi peman-

tauhan imej setelit yang dibekalkan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

### Bagaimana dengan nasib Orang Asal yang tinggal di dalam hutan simpan?

Banyak populasi Orang Asal di Selangor. Kita sudah menubuhkan Jawatankuasa Bersama antara JPNS dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Negeri Selangor.

Kita sudah membuat satu pada tahun lepas dan dalam peringkat cadangan untuk bermesyuarat sekali lagi pada tahun ini.

Hasil mesyuarat kita dapat ia menyumbang kepada satu bentuk persefahaman, kita sedar akan kewujudan mereka (Orang Asal) dan mereka juga sedar peranan di dalam hutan.

Secara keseluruhan, keluasan penempatan Orang Asal dalam Hutan Simpanan Kekal 801.45 hektar melibatkan tiga daerah.

Mereka sudah lama menetap di sana dan tidak memberi masalah besar kepada JPNS. Kita menjaga kepentingan mereka dari segi hak merayau dan mencari makanan.

### Apakah langkah yang diambil untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan kepentingan menjaga ekosistem hutan?

Kempen kesedaran diadakan khususnya kepada masyarakat supaya dapat memberikan pendedahan pentingnya menjaga ekosistem alam sekitar dan hutan kerana peranannya perlu dipanjangkan untuk generasi akan datang.

Antara program yang kita buat adalah Sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada 21 Mac setiap tahun. Secara tidak langsung kita menghebahkan peranan hutan itu sendiri yang

penting kepada masyarakat.

Pada masa sama, kita dapat menggembungkan tenaga dengan agensi lain supaya bekerjasama menjayakan program berkenaan hutan. Program hutan biasanya melibatkan penanaman pokok dan kem kesedaran alam sekitar.

Tahun lalu kita membuat perancangan sulung Kem Junior Forest Ranger membabitkan pelajar sekolah dengan kerjasama Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM). InsyaAllah Februari tahun ini kita akan anjurkannya sekali lagi.

Di bawah bahagian Eco Pelancongan JPNS, kita membuat program membabitkan pelajar sekolah setiap minggu bahkan pernah masuk ke perkampungan Orang Asal pada 2014 di Sungai Tekala.

### Apakah harapan JPNS untuk 2016 dan mengimbangi kedudukan 30 peratus hutan simpan Selangor?

Kita mempunyai tanggungjawab untuk mengekal dan meningkatkan prestasi JPNS ke arah pencapaian Pensijilan Malaysian Criteria and Indicator (MCI). Kita sudah mencapainya selama tiga tahun berturut-turut sejak 2013 tanpa sebarang ketidakakururan.

Kita mempunyai wawasan dan misi yang perlu dicapai. Saya memerlukan pasukan yang mantap untuk merencanakan banyak program bagi 2016.

Kita akui Selangor adalah negeri maju dan pemikiran rakyat juga maju. Untuk mengimbanginya, JPNS perlu bersiap sedia daripada segi peruntukan dan perancangan bagi melaksanakan hasrat kita.

Kita akan cuba atasi setiap cabaran yang datang dan saya akan mengambilnya secara positif untuk bergerak lebih maju dan baik dalam aspek perhutanan.

## Pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik

# Petani bakal hilang pekerjaan

OLEH ZAIDI ABDULTALIB

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), sebuah perjanjian perdagangan bebas multilateral merentas negara Asia Pasifik sedang hangat diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Ada sebahagian yang menyokong manakala sebahagian besar yang lain pula menolaknya.

Perjanjian yang banyak membuat peraturan bersifat "one-size-fits-all" ini dikatakan bakal menjadikan Malaysia sebahagian daripada blok Amerika Syarikat sekaligus menghilangkan sifat negara berkecuali dalam blok dunia.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia seharusnya mengambil iktibar daripada negara lain yang pernah membuat perjanjian mirip seperti TPPA ini serta melihat kesan lebih besar apabila ia dilaksanakan nanti.

Seperti contoh mengambil iktibar daripada Mexico yang dikatakan sepertutnya mencapai status negara maju jika mereka tidak menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) 20 tahun dahulu.

Ini adalah antara iktibar dan pengajaran yang boleh diambil dari Malaysia kesan daripada sesuatu perjanjian seperti NAFTA setelah puluhan tahun dilaksanakan.

NAFTA adalah satu perjanjian perdagangan trilateral membabitkan tiga buah negara iaitu Amerika Syarikat, Mexico, dan Kanada yang boleh diukur serta dijadikan pengajaran untuk melihat realiti yang bakal berlaku serta impaknya terhadap rakyat Malaysia apabila TPPA ditandatangani nanti.

Menurut laporan daripada Carnegie Endowment for International Peace, sebuah pertubuhan penyelidikan antarabangsa yang membuat kaji selidik berkenaan perjanjian NAFTA terhadap Mexico bertajuk, NAFTA's Promise and

Reality mendapati bahawa kesan daripada perjanjian terbabit mengakibatkan 3/10 juta petani di Mexico terpaksa memberhentikan kegiatan pertanian mereka disebabkan persaingan terlalu tinggi berlaku.

Selain itu juga, NAFTA ternyata tidak memberikan kebaikan terhadap pertumbuhan ekonomi Mexico kerana sebelum NAFTA dilaksanakan, kadar pertumbuhan ekonomi Mexico adalah lebih tinggi.

Kesan lain pula di antaranya kadar pengangguran meningkat manakala kadar kemiskinan mencapai sehingga 52.3 peratus pada 2012 iaitu hampir menyamai kadar kemiskinan pada 1994.

Jelas menunjukkan bahawa perjanjian NAFTA ini mengakibatkan kesan lebih buruk dari sebelumnya.

## TPPA banyak perkara meragukan

Tidak dinafikan terdapat kebaikan tertentu dalam TPPA terhadap manfaat ekonomi negara, namun masih banyak perkara yang meragukan dan membimbangkan.

Seperti yang pernah diutarakan Prof Dr Jomo Kwame Sundaram yang menyebut bahawa konsensus perjanjian TPPA akan melebarkan lagi jurang ketidak-samaan dan meningkatkan jumlah kehilangan pekerjaan sepanjang 10 tahun dalam kalangan negara anggotanya.

Lihat sajalah selepas NAFTA dipersetujui dan ditandatangani, Amerika Syarikat mendapat manfaat paling besar sehingga jurang yang tinggi berlaku di antara Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat.

Ini jelas bahawa perjanjian TPPA kelak bakal menguntungkan Amerika dan merugikan Malaysia.

Menurut Datuk Mustapa Mohammed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



sebanyak 26 undang-undang dan akta akan dipinda bagi memenuhi keperluan TPPA sebelum ia dilaksanakan.

Antara perkara yang dibimbangi adalah status Akta Buruh yang bakal melayakkan buruh asing menjawat jawatan tertinggi dalam kesatuan sekerja.

Lambakan pekerja asing yang bakal berlaku kesan daripada TPPA sudah cukup membimbangkan, apatah lagi akta itu membolehkan buruh asing memegang jawatan tertinggi yang bakal menutup peluang rakyat tempatan berkelayakan.

Ini belum lagi peningkatan dalam sektor pengeluaran berproduktiviti tinggi yang akan memberi kesan terhadap tenaga buruh kerana digantikan sepenuhnya dengan penggunaan mesin.

## Jejas rakyat berpendapatan rendah

Semua ini akan mengakibatkan peluang pekerjaan rakyat tempatan terjejas sekaligus menjadikan kadar pengangguran semakin tinggi.

Rakyat berpendapatan rendah dan bekerja sendiri antara golongan yang paling menerima kesan sekiranya TPPA ditandatangani. Di antaranya adalah petani, nelayan, dan pekebun kecil.

Apabila melihat kesan NAFTA terhadap para petani di Mexico yang mengakibatkan sejumlah 4.9 juta buah keluarga petani kehilangan pekerjaan selepas 16 tahun pelaksanaannya, ternyata ia adalah keimbangan besar khususnya terhadap golongan petani di Malaysia.

Umum mengetahui bahawa kebanyakan golongan petani, nela-

yan, dan pekebun kecil ini mempunyai pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Realitinya mereka bakal berhadapan cabaran yang lebih getir da-ri pada hari ini.

Mungkin situasi yang lebih kurang sama seperti Mexico dimana mereka tidak mampu bersaing dan akhirnya terpaksa memberhentikan perusahaan pertanian.

Dengan pendapatan sebegini rendah, bagaimana mereka ingin meneruskan kehidupan jika perusahaan yang mereka kerjakan selama ini tidak dapat menampung kehidupan sehari-hari sekaligus membantutkan kelangsungan hidup.

Selain itu, Malaysia sudah menggunakan sistem tarif dan kuota untuk produk pertanian dan jika TPPA dikuatkuasakan, tarif dan kuota ini bakal dikurangkan sekaligus memberi kesan kepada pendapatan para petani.

Begitu juga dengan tarif beras yang bakal dikurangkan selepas daripada TPPA ditandatangani sedangkan pada masa sama Amerika Syarikat yang mahukan beras dimasukkan dalam perjanjian ini tidak muh mengurangkan subsidi diberikan kepada petani mereka.

Hal ini akan menyebabkan harga beras menjadi rendah daripada pasaran sekaligus pendapatan para pesawah dalam negara akan terjejas di samping kesukaran menembusi pasaran negara lain. Tindakan ini jelas menguntungkan Amerika serta merugikan para pesawah padi di Malaysia.

Kita harus menyedari bahawa rakyat belum lagi bersedia dengan persaingan terbuka ini walaupun dilihat persaingan yang bakal berlaku adalah persaingan secara sihat.

Namun, ianya perlu dilihat secara meluas kerana kesan ketidaksesuaian rakyat terhadap persaingan ini bakal mengakibatkan keburukan menimpa Negara dan rakyat.

Begitu juga dengan kerajaan yang dilihat masih belum cukup bersedia dengan kemungkinan yang bakal berlaku sekitar TPPA ditandatangani.

## Tolak TPPA dalam Parlimen

Justeru, adalah amat wajar jika TPPA ini tidak dilaksanakan dan ditolak dalam persidangan Parlimen nanti.

Selaku rakyat yang memahami geopolitik yang memungkinkan Malaysia cenderung mengikut telunjuk Amerika Syarikat selepas perjanjian ini dipersetujui, seharusnya rakyat Malaysia menolak seratus peratus Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) ini kerana ia bakal mengundang keburukan lebih besar daripada kebaikan.

Diharapkan para petani, nelayan dan pekebun kecil dapat bersama-sama membantah perjanjian TPPA ini. Jangan sampai tindakan kita hari ini menggadaikan negara kepada anak cucu kita kelak.

Oleh itu, diharapkan pihak kerajaan dapat mendengar keluhan dan rintihan nasib para petani yang bakal terjejas sekitar TPPA ini ditandatangani. Akhir kata, marilah kita bersama-sama membina Malaysia yang lebih sejahtera dan harmoni.

Zaidy Abdul Talib adalah Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani Selangor



## Galeri Seni 3D dan Muzium Nelayan

# Produk pelancongan baru Sekinchan

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Kehadiran pelancong dijangka meningkat di Sekinchan tahun ini dengan kewujudan produk pelancongan baru di kawasan DUN itu.

Terbaru, Muzium Nelayan dan Galeri Seni 3D dibangunkan Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sekinchan dan Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan (PKPS).

Ia bagi menambah pilihan pelancong domestik dan luar negara mengunjungi kawasan eko pelancongan itu sambil menikmati keindahan alam semula jadinya.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, berkata kewujudan kedua-dua produk baru itu memberikan keuni-



**Ng Suee Lim**

kan tambahan kepada Sekinchan yang semakin terkenal dan popular sebagai satu destinasi eko pelancongan unik di Selangor.

"Produk pelancongan yang



baru ini sudah pasti melonjakkan Sekinchan di mata pelancong terutama bagi mereka yang berminat menerokai sendiri tentang keindahan dan keunikannya Sekinchan," katanya kepada SelangorKini di sini, pada 24 Januari lalu.

Beliau berkata, industri pelancongan di Selangor khususnya kawasan terbabit diakini semakin berkembang dengan pertambahan jumlah pelancong hadir.

"Saya juga yakin kehadiran pelancong domestik dan luar

terutama dari Singapura dan Taiwan akan bertambah dari semasa ke semasa," katanya.

Perkembangan menarik itu pastinya memberi impak positif kepada penduduk tempatan yang mengusahakan pelbagai aktiviti berkaitan ekonomi.

## Waqf Airlines tawar khidmat umrah dan haji sambil berwakaf



**SHAH ALAM** - Waqf Airlines menawarkan perkhidmatan menunaikan umrah dan haji sambil berwakaf di bawah pengurusan Air Riths Sdn Bhd dengan kerjasama Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Eco Riths Travel & Tour Sdn Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Rithsman Mohamed, berkata Waqf Airlines adalah salah satu usaha medan dakwah untuk membantu umat Islam khususnya berpendapatan rendah.

"Antara objektif kita untuk memberi peluang jemaah kurang berkemampuan menunaikan umrah atau haji.

"Dengan wujudnya Waqf Airlines kita mengharapkan kerjasama dari pelbagai pihak untuk membantu umat Islam ke tanah suci," katanya sewaktu Majlis Ke-

syukuran Waqf Airlines, di sini, pada 19 Januari lalu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PWS, Abu Bakar Yang, berkata ia juga salah satu usaha bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan kepentingan wakaf sebagai pemangkin ekonomi ummah.

"Wakaf adalah tulang belakang bagi membantu meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam.

"Ia memberi manfaat besar kepada ekonomi negara dan masyarakat Islam khususnya kerana ia 100 peratus milik bumiputera," katanya.

Waqf Airlines mendapat kelulusan ESP (East Service Permit) pada 14 Januari lalu dan dijangka bakal dilaksanakan dalam waktu terdekat.

## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	<b>PRA-KELAYAKAN UNTUK MENAIK-TARAF LALUAN B49 PERSIARAN MOKHTAR DAHARI, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN</b>  <b>JKR/SEL/(N)/007(T)/2016</b>	Bumiputera T1	CIDB,SPKK,PKK,UOPEN  Gred : G7  Kategori : C  Pengkhususan: CE01,CE02 & CE21	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  29/01/2016 (Khamis)  Sehingga 11/02/2016 (Khamis)	<b>RM50.00</b>  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor  Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Pada: 15/02/2015 ( Isnin )  Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Tel: 03 55447751

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

\*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)  
Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadanka di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadanka di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Penjaja besar ambil kesempatan

# Beri peluang adil peniaga kecil



OLEH NORHAYATI UMOR

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) disaran mewujudkan perbezaan penjaja mengikut kategori miskin dan kaya supaya semua pihak memperolehi peluang berniaga secara adil.

Adun Bukit Gasing, R Rajiv, berkata hal itu ekoran sesetengah penjaja besar yang menggunakan lori makanan mengambil kesempatan berniaga di kawasan peniaga kecil.

"Golongan peniaga kecil perlu diberi peluang menjana pendapatan berikutan mereka terpaksa berniaga ekoran tidak mempunyai pilihan lain, contohnya diberhentikan kerja atau ibu tunggal."

"Kita mahu golongan kecil tidak menerima peraturan sama contohnya mendapatkan lesen,

tapak niaga atau sebaliknya," katanya kepada media pada 21 Januari lalu.

Rajiv berkata, pihaknya melakukan tinjauan ke tempat komersial mendapati kewujudan peniaga terlalu ramai mengganggu laluan penjalan kaki dan tempat letak kenderaan.

Pada masa sama, Rajiv berkata, MJPJ bersedia membincangkan isu penjaja gagal mendapatkan lesen tahun ini.

"Pengarah Pelesenan bersetuju untuk menjadikan agenda pemutihan bagi memudahkan peniaga mendapatkan lesen dan melihat beberapa kawasan sesuai dijadikan kawasan perniagaan," katanya.

Rajiv juga mahu Kerajaan Negeri memandang serius statistik dikeluarkan Jabatan Statistik Malaysia, iaitu seramai 1.3 juta tergolong dalam Sektor Informal.

Katanya, daripada jumlah itu seramai 200,000 adalah warga Selangor.

"Kerajaan Negeri perlu menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu mereka terbeban meneruskan kehidupan sekurang-kurangnya kita boleh bantu memudahkan urusan berniaga melalui penyediaan lesen," katanya.

Sebelum ini, sembilan penjaja di kawasan Seksyen 1 disita kenderaan antaranya lori dan motosikal roda tiga tanpa notis amaran.

Peniaga, Hasnah Othman, berkata sejak tujuh tahun lalu, beliau beberapa kali memohon lesen penjaja namun tidak diluluskan.

"Saya terpaksa berniaga untuk teruskan hidup. Namun, baru-baru ini motosikal saya disita dan untuk mendapatkan semula terpaksa membayar RM400. Jumlah itu membebankan," katanya.

## MPAJ guna aplikasi talian mudahkan parkir

**AMPANG JAYA** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bakal menaik taraf sistem tempat letak kereta dengan aplikasi dalam talian mengantikan kupon berbayar mulai tahun ini.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain, berkata sistem itu memudahkan pengguna menambah nilai melalui telefon pintar tanpa ke kenderaan untuk menggoreskan kupon berbayar dipaparkan.

"Aplikasi itu menghantar

peringatan kepada pengguna tempoh letak kereta habis dan segera melakukan 'top up' menerusi aplikasi itu.

"Ia dilengkapi sistem GPS bagi memudahkan penguasa MPAJ mengenal pasti lokasi parkir dan disertakan nombor plat pengguna yang menggunakan aplikasi itu," katanya dipetik BERNAMA.

Abd Hamid berkata, buat masa ini pihaknya masih dalam peringkat kajian setelah Kerajaan Negeri memberi keben-

ran pada November 2015 lalu dan kini sistem itu dijalankan di sekitar kawasan Ampang Point, Jalan Ampang.

Sementara itu, Abd Hamid berkata, seramai 23 orang anggota MPAJ dilantik bagi penggal 2016-2017 membabitkan empat daripada mereka adalah pelantikan baru.

Seramai 11 anggota MPAJ terdiri daripada KEADILAN, lima DAP dan tujuh daripada PAS. Manakala satu kerusi DAP masih belum ada pencalonan.

## Ahli Majlis MBPJ diharap terus komited

**PETALING JAYA** - Tujuh muka baru dilantik sebagai Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi penggal 2016-2017.

Mereka terdiri daripada Jamaliah Jamaluddin (DAP), Elaine Magdaline Nathaniel (DAP), S Gandhimathi (DAP), Wong Swee Sang (DAP) dan Ermeemarianna Saadon (KEADILAN).

Manakala dua orang lagi ahli majlis yang mengangkat sumpah pernah menjawat jawatan itu sebelum ini adalah Terrence Tan Teck Seng (DAP) dan Derek John Frenandez (NGO).

Selain itu, seramai 15 ahli majlis dikekalkan dalam Majlis Angkat Sumpah dan Lafaz Ikrar dilakukan di hadapan Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain.

Azizi berkata, komposisi ahli majlis daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman itu diharapkan dapat bekerja keras dan menjalin hubungan lebih akrab dengan masyarakat.

"Hubungan perlu dijalin tanpa mengira kaum bagi membantu Petaling Jaya mencapai sasarnya ke arah bandar raya peneraju, dinamik dan lestari," katanya pada 21 Januari lalu.

Ahli majlis dilantik menggalas tanggungjawab sebagai penggubal dasar selari dengan agenda Kerajaan Negeri.

Selain itu, mereka turut berperanan menggerakkan masyarakat membabitkan diri dalam program dianjurkan serta sebagai pengantara antara MBPJ dan masyarakat setempat.

## MDKS sedia kaunter bergerak cukai taksiran

**SHAH ALAM** - Warga Kuala Selangor disaran menjelaskan cukai taksiran menerusi kaunter bergerak disediakan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Setiausaha MDKS, Azahari Sairin, berkata peringatan itu bagi mengelakkan individu dikenakan tindakan undang-undang termasuk harta disita.

"Penyediaan kaunter bergerak bagi memudahkan pemilik harta membuat semakan dan bayaran.

"Orang ramai dinasihatkan menjelaskan cukai sebelum 28 Februari bagi mengelakkan Fi Notis (denda lewat) dikenakan ke atas akaun yang gagal menjelaskan bayaran sebelum tarikh itu," katanya dalam kenyataan.

Katanya, antara lokasi kaunter bergerak terpilih adalah di Tapak



**HUBUNGI**  
Unit Task Force di talian  
**03-32891439 samb. 225**  
atau layari laman web  
[www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my)

Pasar Taman Karang pada setiap Isnin bermula jam 8.30 pagi dan Central Mart, Saujana Utama pada setiap Ahad bermula jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Manakala di Tapak Pasar Malam, Desa Coalfield pada setiap Isnin dan Pekan Bestari pada setiap Jumaat bermula jam 5.00 petang hingga 8.00 malam.

Selain itu, orang awam juga boleh membuat bayaran secara online di laman web <http://mdks.gov.my/e-bayar>.

## Penyewa maklum kadar sewa

**KUALA KUBU BHARU** - Semua bakal penyewa tapak lot perniagaan di pasar awam Hulu Yam dimaklumkan lebih awal kadar sewaan tanpa bantahan ketika penyewa ditemuduga.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Junainah Abdullah, berkata konsep pasar itu adalah pasar moden dua tingkat yang dibangunkan semula selepas mengalami kebakaran pada Julai 2013.

"Kita iklankan tawaran sewa tapak itu pada September tahun lalu dan menerima 36 permohonan pada akhir tempoh iklan.

"Mesyuarat Jawatankuasa Ke-

cil Kewangan Bil 9/2015 bertarikh 22 September lalu menetapkan sewa dengan RM1,380 tempoh sebulan," katanya dipetik Sinar Harian.

Katanya kadar sewa tapak pasar itu berpatutan ekoran keluasan ruang niaga kira-kira 105 meter persegi.

"Penyewa di ruang niaga disediakan tandas bagi setiap unit dengan turut mengambil kira pasar itu terletak di jalan utama," katanya.

Pihaknya menerima surat rayuan namun Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kawalan Perniagaan dan Kesihatan memutuskan kadar sewa asal dikekalkan.

Kerjasama MPSJ dan Imigresen tangani gangguan

# Op Bersepadu: 14 warga asing tanpa dokumen sah ditahan

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Sebanyak tiga premis diserbu dan 14 warga asing ditahan dalam Operasi Bersepadu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bersama Jabatan Imigresen Selangor.

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata warga asing ditahan ekoran gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri.

"Di USJ 1, tiga warga Ghana dan seorang lelaki warga Nigeria ditahan atas kesalahan tidak mempunyai dokumen perjalanan diri sah.

"Sewaktu serbuan, dua orang wanita warga Afrika bertindak biadab apabila seorang men-

campak pasport ke arah pegawai imigresen manakala rakannya mencetus provokasi menengking pegawai," katanya dalam kenyataan media.

Muhammad Azli berkata, operasi diteruskan ke lokasi kedua di pusat urut refleksologi dengan menahan enam tukang urut wanita warga asing.

"Dipercayai tiga wanita itu warga China dan tiga lagi warga Vietnam melakukan aktiviti tidak sihat kepada pengunjung.

"Pengusaha dikenakan kompaun RM1,000 dan peralatan digunakan dirampas. Premis diarah tutup di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan MPSJ 2007," katanya.

Seterusnya lokasi ketiga, pemilik sebuah kafe dikenakan kompaun RM25,000 kerana menjalankan aktiviti hiburan tanpa kebenaran.

"Sitaan peralatan hiburan dilaksanakan di bawah Seksyen 6 Enakmen Hiburan dan Tempat Tempat Hiburan Selangor 1995 (pindaan 2001).

"Dalam operasi sama, dua lelaki warga Sierra Leone dan Nigeria ditahan kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan diri sah," katanya.

Operasi bersama 47 pegawai MPSJ dan Imigresen adalah hasil risikan dan aduan berkenaan aktiviti warga asing mengganggu warga tempatan dan melanggar undang-undang negara.



## Kebun komuniti ke arah bandar hijau

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 306 petak tanaman diusahakan 17 komuniti di pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi melaksanakan kebun komuniti.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata kebun komuniti adalah aktiviti pertanian dijalankan di kawasan perumahan masyarakat setempat.

"Ia adalah salah satu aktiviti ke arah pembangunan MPSJ

Bandar Hijau 2030 yang dilaksanakan secara individu, keluarga dan komuniti.

"Ia menggalakkan pengeluaran makanan tempatan berdasarkan komuniti serta pembangunan ekonomi lebih menjamin kesegaran," katanya pada Majlis Pecah Tanah bagi Taman Rekreasi Putra Heights, Subang Jaya, di sini, pada 23 Januari lalu.

Katanya, usaha lebih kondusif dan fokus perlu bagi mening-

katkan kelestarian kediaman dan kemampunan bandar se-terusnya meningkatkan kesejahteraan penduduk.

"Dengan kerjasama masyarakat, ia bakal memberikan impak positif dengan penurunan karbon dan memberikan keselesaan kepada orang ramai," katanya.

Antara projek komuniti yang terlibat adalah projek kebun komuniti MPSJ dengan penduduk Pangaspuri Garnet Puchong Indah.

## Taman Rekreasi Putra Heights dibangun

**SUBANG JAYA** - Sebagai inisiatif membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau 2030 dan sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) berhasrat membangunkan Taman Rekreasi Putra Heights.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata ia selari dengan matlamat 'Wishlist MPSJ Green City 2030' untuk mewujudkan persekitaran segar dengan mengutamakan pembangunan bandar hijau.

"MPSJ mencapai status bandar mampan pada tahap 92 peratus pada 2015 melalui pengurusan tahap kemampunan bandar Sistem Munrinet.

"Dan menjadi tanggungjawab MPSJ menyediakan taman rekreasi kepada masyarakat setempat dalam keadaan selesa

seperti di Putra Height ini yang berkeluasan 7.98 ekar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pecah Tanah bagi Taman Rekreasi Putra Heights,

di sini, pada 23 Januari lalu.

Projek itu adalah kerjasama MPSJ bersama Sime Darby Property Berhad, B7G Property Sdn. Bhd dan Malaysia Institute Of Planners (MIP).

Pada masa sama, Pengarah Urusan Sime Darby, Datuk Ir Jauhari Hamidi, berkata projek itu sebagai tambah nilai kepada penduduk di Putra Height bagi memupuk kehidupan sihat dengan kelengkapan kemudahan bagi aktiviti riadah.

"Ia direka dengan memaksimumkan ciri semulajadi dengan pelbagai konsep hijau yang inovatif, antaranya penggunaan tenaga solar, penuaian air hujan, pengurusan sisa automatik dan penggunaan lampu LED.

"Antara kemudahan lain dirangka seperti 32 ruang parkir kereta, 15 ruang parkir motosikal, lima kilometer trek jogging dan basikal, 4.5 kilometer laluan Orang Kelainan Upaya (OKU), 13 stesen pejalan kaki dan kemudahan lain," katanya.



@ ANTARA GAPI

**PELANCARAN JUALAN  
31 JANUARI 2016  
Rumah Contoh, Antara Gapi  
9pagi - 4ptg**

## RUMAH BERKEMBAR DUA TINGKAT 2 PILIHAN REKAAN URBAN YANG MENEPATI IMPIAN ANDA



Harga dari **RM776,550\***

❖ Saiz **40'x90'** & **40'x80'** ❖ Keluasan **2,796kps & 2,714kps**

### KEDIAMAN BERKONSEPKAN SENIBINA MODEN KONTEMPORARI MENAWARKAN

AZHARA Rumah Berkembar 2 Tingkat @ Antara Gapi mencorakkan rekaan yang moden dan kontemporari melengkap kehidupan dalam persekitaran yang selesa dan damai. AZHARA merupakan kediaman yang ideal berhampiran dengan lebuhraya utama merupakan satu pelaburan bijak untuk meraih potensi berganda dengan faktor lokasi yang menarik serta pembangunan pesat Anjung Utara.

\* Harga bumi putera selepas diskaun

Hubungi kami: **016 251 0113 | 019 344 3109 | 013 939 0310 | 013 342 1098 | 013 393 8183 | 019 303 4342 | 013 323 2158**

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisasi Impian



**PKNS**



In Praise of  
Business Excellence  
AWARDS 2009



Best  
Brand Laureate  
Top 10 Masters Award  
2010



Global Leadership  
Awards 2011

**Malaysian Reserve  
editors choice®  
Property Awards**

WINNER OF THE PRESTIGIOUS  
BCI ASIA TOP 10 PROPERTY  
DEVELOPERS AWARD  
2 YEARS RUNNING




1964-2014  
50TH ANNIVERSARY  
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

[www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com)

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, 40505 Shah Alam, Selangor

No. Lesen Pemaju: 9062-92/01-2018/50(L) • Tarikh Sah: 21/01/2016 - 20/01/2018 • No Permit Iklan & Jualan: 9062-92/01-2018/50(P) • Tarikh Sah: 21/01/2016 - 20/01/2018 • Pihak berkusa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor • No. Kelulusan Pelan: (06)Jm.MDHS.431/13/H/13/001-B • Bertarikh: 8 Mac 2013 • Status hakmilik: Pegangan 99 tahun tamat pada 20 Sept 2104 • Bebanan tanah: Tiada • Tarikh Jangka Siap: Oktober 2016 • Jenis: Rumah Berkembar 2 Tingkat • Bilangan unit: 146 • Harga Minima: RM835,000.00 • Maksa: RM901,587.00 • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah yang diberi hakmilik tidak boleh ditukar, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak berkusa negeri. | PENOLAK TUNTUTAN: Walaupun perhatian sewajarnya telah diambil dalam penyediaan risalah ini, pihak pemaju tidak bertanggungjawab atas sebarang ketidaksetujuan. Informasi yang terkandung di sini ini tidak boleh dianggap sebagai sesuatu tawaran atau kontrak dan tertakluk kepada perubahan dan pindaan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkusa atau seperti yang dicadangkan oleh Arkitek dan Jurutera.



## Keputusan Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia 2015

# GPN meningkat, 89 calon rekod keputusan cemerlang

**SHAH ALAM** - Gred Purata Nasional (GPN) keputusan pencapaian calon peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2015 bagi Selangor meningkat 0.11 mata iaitu 2.33 berbanding 2.44 pada 2014.

Pengarah Pelajaran Sela-

ngor, Zainureen Mohd Noor, berkata seramai 89 calon memperoleh keputusan Mumtaz (cemerlang) daripada 526 pelajar yang menduduki peperiksaan itu.

Manakala lain-lain iaitu 236 calon memperoleh Jayyid Jid-

dan (sangat baik), 149 Jayyid (baik) dan 21 calon Maqbul (lulus)

Katanya, Gred Purata Kebangsaan pula adalah 3.08 mata.

Seramai 4,211 atau 67.8 peratus daripada 6,213 calon yang menduduki peperiksaan STAM

2015 seluruh negara mendapat sekurang-kurangnya sijil pangkat maqbul, antara keputusan terbaik sejak diperkenalkan pada 2000.

Sebelum ini, Pengarah Lemba-

ga Peperiksaan, Datin Nawal Salleh, berkata keputusan itu

meningkat 4.5 peratus atau 388 calon berbanding 3,823 calon pada 2014.

Seramai 444 calon mem-

## Persatuan alumni UNISEL bantu hala tuju pendidikan negara

**SHAH ALAM** - Persatuan Alumni Doktor Pendidikan (Ed.D) Universiti Selangor (UNISEL) menganjurkan forum membincangkan hala tuju yang mampu dilaksanakan mereka bagi membantu masa depan pendidikan negara.

Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, Ahmad Norman Abu Talib, berkata forum 'Peranan Alumni Ed.D UNISEL Dalam Pembangunan Pendidikan Negara yang berlangsung di Hotel Quality' pada 22 Januari lalu itu turut dihadiri lebih 20 alumni.

"Ia membincangkan peranan mereka dalam membantu meningkatkan mutu pendidikan.

Malah turut dibincangkan usaha penyelidikan yang perlu diperbanyak demi memberi faedah kepada pelajar.

"Mereka turut menyeru pelajar yang bakal bergelar graduan untuk menyertai dan memberi sokongan kepada alumni," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, alumni yang diwujudkan sejak 2007 kini sudah berjaya melahirkan 43 graduan.

Forum itu turut dimeriahkan dengan kehadiran Presiden dan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman serta dua timbalannya, Prof Sharuddin Badaruddin serta Prof Mokhtar Abdullah.

Seramai 134 atlet bakal menyertai 12 bahagian selain sasar-



## SUKIPT: Sasar empat pingat emas

**SHAH ALAM** - Kontinjen Universiti Selangor (UNISEL) menyasarkan kutipan empat pingat emas dalam Kejohanan Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang bermula pada 25 Januari sehingga 5 Februari di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

Seramai 134 atlet bakal menyertai 12 bahagian selain sasar-

an mengutip empat pingat perak dan empat pingat gangsa.

Antara acara yang disertai buat kali ketiga adalah badminton, tennis, bola tampar, taekwando dan silat.

Majlis penyerahan bendera kontinjen disempurnakan Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Sharuddin Badaruddin kepada Penolong Pegawai Sukan UNISEL,

Mohd Anuar Husin sebelum berlepas ke Skudai pada 24 Januari lalu.

Kerajaan Negeri menerusi Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari turut memperuntukkan RM20,000 untuk kegunaan atlet UNISEL sepanjang kejohanan selama dua minggu.

## RM5,000 bantu Madrasah Tahfiz Al-Redzuan

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyumbang RM5,000 kepada Madrasah Tahfiz Al-Redzuan di Kampung Dato Ahmad Razali, Dengkil yang terbakar pada 18 Januari lalu.

LZS dalam satu paparan di Facebook berkata, bantuan itu bagi meringankan beban madrasah menyediakan penempatan sementara bagi pelajar.

"Dimaklumkan juga bangunan terlibat kebakaran dibina Jabatan Kerja Raya (JKR) kira-kira 10 tahun lalu.

"Melihat keadaan dan keperluan mereka, LZS menyalurkan sumbangan RM5,000 bagi membantu asrama bergantung kepada kelayakan

**Melihat keadaan dan keperluan mereka, LZS menyalurkan sumbangan RM5,000 bagi membantu asrama bergantung kepada kelayakan**

kan pelajar madrasah berkenaan terbakar.

Ekoran itu, sejumlah 30 pelajar hilang tempat tinggal dan terpaksa tidur di masjid berhampiran sementara menunggu bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

## Tiada kajian calon MB Kedah

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) menafikan pihaknya membuat sebarang kajian ke atas mana-mana individu yang layak menjadi Menteri Besar Kedah.

Pengarah Komunikasi Korporat UNISEL, Hasril Abu Hassan, berkata sebaran gambar di laman sosial itu dipercayai dilakukan pihak tertentu dengan agenda tersendiri.

"UNISEL tidak pernah menjalankan kajian bagi menentukan individu yang layak diangkat menjadi Menteri Besar Kedah buat masa ini."

"Sebarang usaha menggunakan nama universiti bagi tujuan itu dikhawatiri mempunyai agenda tertentu dan diharap penjelasan ini mampu menjernih-



**Hasril Abu Hassan**

kan keadaan," katanya dalam satu kenyataan pada 22 Januari lalu.

Terdahulu, sekeping gambar dimuat naik menerusi akaun Facebook 'perlisnews' menggunakan nama UNISEL bagi menun-

ukkan perbezaan sokongan antara dua pimpinan Umno itu.

'Kajian' itu menunjukkan Timbalan Pengurus Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah mendapat 76 peratus sokongan untuk menjadi Menteri Besar Kedah manakala Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir sekadar mendapat 24 peratus.

Krisis kerusi Menteri Besar Kedah mula hangat apabila pimpinan Umno dan Adun negeri itu menyatakan 'hilang keyakinan' terhadap kepimpinan Mukhriz.

Mereka mendakwa, Mukhriz gagal menyatakan ahli parti serta tidak mempunyai perancangan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14).

**Ringankan bebanan ditanggung**

## 359 keluarga terima bantuan banjir



**SEPANG** - Seramai 359 keluarga menerima bantuan bagi meringankan bebanan ditanggung mereka akibat bencana banjir kilat yang melanda daerah itu baru-baru ini.

Sumbangan itu disampaikan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi pada 20 Januari lalu.

Daripada 359 keluarga yang menerima sumbangan bencana daerah Sepang itu 94 daripadanya adalah dari Desa Merpati, Lembah Jaya (73), Kampung Salak Tinggi (67), Kampung Ghicing (40), Kampung Semarang (29).

Turut menerima bantuan itu keluarga di RTB Labu Lanjut

(21), Kampung Ampar Tenang (20), Desa Salak Indah (14) dan satu keluarga dari Tanjung Mas.

Hadir sama dalam program itu Ahli Parlimen Sepang, Haniqa Maidin, Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan, Adun Tanjung Sepat, Ir Haslin Hassan serta Pegawai Daerah Sepang, Roslina Md Jani.

## "Mak, boleh ke kaki tumbuh balik?"

**KLANG** - "Mak, boleh ke kaki tumbuh balik?" Pertanyaan sayu itu dilontarkan Siti Nuraisyah Sahrin sebaik sahaja menyedari kedua belah kakinya putus digilis lori.

Soalan itu membuatkan ibunya terkedu dan sedih mengenangkan nasib anak kesayangannya.

Bapa tiri mangsa, Roslan Sardi, 40, yang menganggap Nuraisyah sebagai anak sendiri mengakui bahawa beliau juga terkesan terhadap peristiwa menimpa mangsa.

Menganggap insiden itu sebagai takdir, Roslan bagaimanapun mahu tindakan sewajarnya diambil bagi membela nasib Nuraisyah.

"Kedua pemandu Perodua Kancil dan lori terbabit membuat laporan polis mengaku tidak bersalah, tetapi bagaimana

kaki anak saya boleh putus?

"Sebagai bapa, saya ingin yang terbaik untuknya, lebih sebak apabila dia tanya isteri saya, bolehkah kakinya tumbuh semula."

"Saya dan isteri jadi terkedu dan kami hanya mampu berkata-kata semangat supaya dia terus bersabar," katanya kepada SelangorKini.

Roslan berkata, beliau menyerahkan sepenuhnya kepada pihak polis untuk menyiatis kes terbabit yang sedang dalam siasatan.

Beliau juga mengucapkan terima kasih atas bantuan diterima daripada pelbagai pihak termasuk Kerajaan Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Namun, sebanyak mana bantuan yang datang tidak

mampu menggantikan kaki anak saya yang hilang, jadi kami mengharapkan bantuan dari segi mental dan emosi.

"Kami sekeluarga juga akan memberi lebih perhatian dan kasih sayang supaya dia tabah dan bersemangat seperti dahulu," katanya.

Nuraisyah dan keluarga baru menetap di Kampung Belia 2 beberapa bulan lalu serta bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Terap.

Beliau adalah anak keempat daripada tujuh adik beradik.

Dalam kejadian pada 18 Januari lalu, Nuraisyah putus kedua kakinya selepas digilis lori, manakala kakak tirinya, Shamin Amirah Roslan, 14, yang menunggang motosikal terbabit mengalami kecederaan di kaki kanan dan kiri.

masa ke masa termasuk khidmat kaunseling," katanya kepada SelangorKini pada 20 Januari lalu.

Sementara itu, Mohamed Azmin dalam Twitternya meluahkan rasa simpati atas kejadian menimpa Nuraishah dan mendoakan supaya kesihatannya kembali pulih.

"Saya doakan adik Nuraisyah segera sembah dan kuat semangat demi meneruskan persekolahan seperti pelajar lain," katanya.

Nuraisyah, 13, dikatakan mengalami kemalangan ketika membonceng motosikal bersama kakaknya sewaktu pulang dari sekolah.

Ketika dalam perjalanan, sebuah kenderaan jenis Perodua Kancil bergesel dengan motosikal ditunggangi mangsa hingga menyebabkan hilang kawalan dan terjatuh.

Lebih malang, kaki mangsa digilis lori pasir yang kebetulan lalu di situ, manakala kakaknya jatuh di bahu jalan.

## Mangsa kemalangan putus kaki disantuni

OLEH SYASYA SUFIAN

**KLANG** - Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi meluangkan masa menziarahi Siti Nuraisyah Sahrin yang kehilangan dua belah kakinya dalam kemalangan baru-baru ini.

Lawatan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sabak Bernam di Hospital Tengku Ampuan Rahimah itu mewakili Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Daroyah berkata, Kerajaan Negeri bersedia menghulurkan bantuan bagi menampung keperluan mangsa, selaras dengan insentif dimiliki Selangor.

"Kita menyediakan Skim Sihat Selangor yang boleh membantu mangsa daripada segi kerusi roda, kaki palsu dan rawatan kesihatan lanjut."

"Dengan kerjasama erat bersama JKM Sabak Bernam, kita akan bantu mangsa dan keluarga dari



LZS turut menghulurkan bantuan kepada Nuraisyah

## Nuraisyah perlu kaunseling pulih semangat

**KLANG** - Khidmat kaunseling perlu diutamakan bagi memulihkan semangat Siti Nuraisyah Sahrin yang trauma selepas kehilangan kedua belah kaki akibat digilis lori.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim, berkata langkah itu perlu diambil segera bagi membantu mangsa mengalami kecederaan mental dan emosi.

"Jika kita tidak tangani masalah trauma secepat mungkin dengan khidmat kaunseling, kita bimbang ia bakal memudaraskan adik Nuraisyah."

"Kakak mangsa juga perlu menjalani proses kaunseling kerana mungkin beliau trauma melihat adiknya dilanggar lori," katanya ketika menziarahi Nurai-

syah, 13, di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini.

Pada masa sama, Rohani berkata, bantuan daripada segi keperluan juga akan diberikan kepada mangsa jika memerlukan.

Namun, katanya, sokongan dan perhatian lebih daripada ahli keluarga dan masyarakat amat penting untuk memulihkan semangat Nuraisyah.

"Kita sudah memberi sumbangan kerusi roda yang dibuat khas dari Pusat Latihan dan Perindustrian Bangi untuk kemudahan perjalanan beliau mendapatkan rawatan."

"Kita juga akan mendapatkan ukuran tepat daripada doktor pakar untuk membuat kaki palsu," katanya.

### SUMBANGAN BAGI TUJUAN

- Pengajian Al-Quran secara percuma
- Menyiapkan bangunan Rumah Ngaji di Batu Caves

#KitakanIslam  
BUAT KERANA ALLAH

RUMAH MAGHFIRAH REDHAMU

Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794

No Akaun: 8602413238 (CIMB)

RUMAH  
ngaji

Perkuuh kerjasama Red Giants

# Shahrom Kalam kekal ketua pasukan

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari mengumumkan Muhammad Shahrom Abdul Kalam kekal selaku Ketua Pasukan The Red Giants bagi musim 2016.

Beliau mengumumkan perkara itu secara rasmi menerusi laman Facebook sementara pemain baru, Mohd Razman Roslan dilantik selaku Pembantu Ketua Pasukan.

"Shahrom Kalam kekal sebagai Ketua Pasukan Selangor 2016, dan Razman Roslan sebagai Pembantu Ketua Pasukan Selangor 2016," katanya.

Shahrom merupakan antara tonggak pasukan itu ketika mereka menjulang Piala Malaysia musim lalu selepas menewaskan Kedah 2-0.

**Shahrom Kalam kekal sebagai Ketua Pasukan Selangor 2016, dan Razman Roslan sebagai Pembantu Ketua Pasukan Selangor 2016**

**AMIRUDIN SHARI**  
Pengurus Pasukan Selangor

Musim lalu jawatan pembantu ketua pasukan dipegang Mohd Bunyamin Omar.

Sementara Mohd Razman sebelum ini mengetuai pasukan Pahang sebelum berubah angin beraksi bersama Selangor musim ini.



Shahrom Kalam

## Cari ruang baiki kekurangan tingkat prestasi

**SELAYANG** - Kemenangan pasukan Selangor ke atas Sarawak dianggap Zainal Abidin Hassan sebagai permulaan baik, namun perlu diperkemaskan.

Katanya, beliau berpuas hati terhadap peningkatan persefahaman pemain dan yakin pasukan itu mempunyai ruang untuk membaiki kekurangan dalam perlawanannya seterusnya.

"Setiap pemain memiliki kelebihan untuk digunakan sepenuhnya dan saya nampak

mereka cuba menunjukkan kualiti sebenar dan mencipta banyak peluang.

"Ini yang saya inginkan, namun masih ada kelemahan perlu diperbaiki," kata ketua jurulatih The Red Giants itu kepada media selepas perlawanan persahabatan pramusim menentang Sarawak di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, pada 19 Januari lalu.

Dalam perlawanan itu, Selangor beroleh kemenangan 2-0 menerusi jari-

ngan Patrick Ronaldinho Wleh pada minit 61 dan Hafiz Kamal (minit 64).

Pada masa sama, beliau berkata, gandingan beberapa pemain seperti Hafiz dan Nazmi Faiz mampu menimbulkan 'masalah' kepada pasukan lawan.

Katanya, gandingan dua pemain import baharu, Mauro Andres Olivi dan Ronaldinho juga terus diperkemaskan bagi menambah bisa di bahagian hadapan pasukan.

## Jalani kursus perhebat semangat pasukan

**SHAH ALAM** - The Red Giants mengadakan program 'team building' di Janda Baik, Pahang, bagi memantapkan persiapan menghadapi saingan Liga Super musim ini.

Skuad bimbungan ketua jurulatih, Zainal Abidin Hassan, berkampung di sana selama tiga hari bermula 22 Januari sehingga 24 Januari lalu.

Pelbagai aktiviti ditempuhi pemain antaranya keseimbangan kesihatan, pembinaan sinergi berpasukan dan 'teamwork that works'.

Program terbabit bagi membentuk jati diri pemain selain meningkatkan motivasi ke arah semangat

kerjasama berpasukan mantap.

Seperti mana pasukan lain, juara Piala Malaysia musim lalu itu kini terbabit dalam beberapa perlawanannya persahabatan pra musim.

Selepas menewaskan Sarawak 2-0 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, minggu lalu, Selangor bakal berdepan Kuala Lumpur di venue sama pada 26 Januari dan Pulau Pinang di Stadium Bandaraya Pulau Pinang (29 Januari).

Skuad Merah Kuning seterusnya dijadual mengadakan perlawanannya menentang beberapa kelab di Bangkok, Thailand mulai 30 Januari hingga 2 Februari.



## Kejohanan Marathon Wanita sasar 4,000 peserta

**SHAH ALAM** - Malaysia Women Marathon (MWM) 2016 bakal berlangsung pada 6 Mac 2016 dengan sasaran penyertaan lebih 4,000 orang.

Melibatkan tiga portfolio Exco Kerajaan Selangor, acara itu adalah pengajuran kali keempat sejak 2012 di samping pengajuran dialog mengenai wanita pada 4 dan 5 Mac di The

Arc, Rimbayu bersama peguam asasi manusia, Stephnie Case.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata Kerajaan Negeri berbangga dengan sambutan diterima selain berterima kasih kepada pengajur dan penaja yang terus menyokong aktiviti sukan

untuk wanita.

"Diharapkan lebih ramai peserta untuk kali ini. Untuk tahun lepas seramai 4,000 peserta menyertai acara ini dan saya rasa penyertaan lebih kurang 5,000 peserta sudah memadai lalu bagi pengajur mengawal keadaan," katanya dalam ucaptama majlis perasmian pada 19 Januari lalu.

## Baki pemain Selangor diumum

**SHAH ALAM** - Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) mengumumkan baki senarai pemain skuad Liga Super Selangor musim 2016 di Dewan Annex, SUK, di sini.

Pengurus pasukan, Amirudin Shari, berkata pemain itu adalah Mauro Andres Olivi dari Argentina, Md Zarif Irfan Hashimuddin (Air Asia All Star FC) dan Adam Nor Azlin (emain Harimau Muda B).

Katanya, kesemua pemain sudah mengikuti latihan pramusim 2016 yang berlangsung sejak 5 Januari lalu.

"Kami turut mengalu-alukan penyertaan Patrick Ronaldinho Wleh yang sebelum ini disebut sebagai pemain import ketiga Selangor.

"Patrick menyertai Selangor dari PKNS FC sebagai pemain pinjaman untuk musim 2016," katanya dalam sidang media, pada 20 Januari lalu.

Pada masa sama, Amirudin berkata, pengurusan FAS turut mengaturkan siri perlawanan persahabatan bagi mempersiapkan pasukan menghadapi permulaan musim 2016 yang lebih mencabar.

"Skuad Selangor akan terbang ke Thailand bagi beberapa perlawanannya persahabatan serta bertemu Nakhon Pathum United FC jam 6.00 petang waktu tempatan pada 31 Januari di Stadium Nakhon Pathum.

"Pasukan kemudiannya akan bertemu Samut Songkhram BTU FC jam 4.00 petang waktu tempatan pada 1 Februari juga di Stadium Samut Songkhram," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
29 JANUARI - 5 FEBRUARI 2016							
19 - 26 RABIULAKHIR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Jumaat	5.59	6:09	7.26	1:29	4:51	7:27	8:39
30 Sabtu	5.59	6:09	7.26	1:29	4:51	7:27	8:39
31 Ahad	5.59	6:09	7.26	1:29	4:51	7:27	8:39
01 Isnin	5.59	6:09	7.26	1:29	4:51	7:27	8:39
02 Selasa	5.59	6:09	7.26	1:30	4:51	7:27	8:39
03 Rabu	6.00	6:10	7.27	1:30	4:51	7:28	8:39
04 Khamis	6.00	6:10	7.27	1:30	4:51	7:28	8:39
05 Jumaat	6.00	6:10	7.27	1:30	4:51	7:28	8:40
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
29 Jumaat	6.01	6:11	7:30	1:31	4:53	7:29	8:41
30 Sabtu	6.01	6:11	7:30	1:31	4:53	7:29	8:41
31 Ahad	6.01	6:11	7:31	1:31	4:53	7:29	8:41
01 Isnin	6.01	6:11	7:31	1:31	4:53	7:29	8:41
02 Selasa	6.01	6:11	7:31	1:32	4:53	7:29	8:41
03 Rabu	6.02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:41
04 Khamis	6.02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:41
05 Jumaat	6.02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:41

Isu Mohd Azrif selesai

# Red Giants fokus hadapi cabaran

**SELAYANG** - The Red Giants menganggap isu berkenaan Mohd Azrif Nasrulhaq selesai susulan kenyataan pengurusan Johor Darul Takzim (JDT) untuk tidak menandatangani pemain berkenaan.

Selangor juga kini boleh memberikan tumpuan penuh dalam mempersiapkan pasukan untuk menghadapi saingan Liga Super musim ini di bawah kendalian ketua jurulatih, Zainal Abidin Hassan.

Pengurus Selangor, Amirudin Shari, berkata pihaknya menghargai keprihatinan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan pengurusan JDT berhubung perkara itu.

Beliau berharap semua pihak saling bekerjasama dan memulakan kempen bola sepak Liga M dalam suasana damai.

"Salah seorang pegawai JDT menghubungi saya dan memaklumkan ada sedikit salah maklumat berkenaan kedudukan kontrak Azrif.

"Beliau memaklumkan JDT tidak lagi berminat untuk menandatangani pemain ini," katanya kepada media selepas perlawanan Selangor menentang Sar-

wak di sini, pada 19 Januari lalu.

Beliau berkata, Azrif adalah salah seorang pemain Selangor dan sudah menandatangani kontrak baru minggu lalu.

"Dengan perjanjian kontrak itu, dia menunjukkan minatnya dengan Selangor.

"Pada pandangan saya dan Zainal, dia antara calon untuk kesebelasan utama pasukan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perkara berkenaan perjanjian kontrak pemain

sewajarnya diberi perhatian Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM) serta pihak berkaitan.

Katanya, ia ekoran terdapat klausa tertentu apabila pemain boleh membeli kontrak disifatkan tidak adil kepada pasukan terbabit.

Sementara itu, pengekalan Azrif bersama The Red Giants turut menggembirakan Zainal.

"Azrif pemain yang baik. Memang saya memerlukannya dan saya harap ia dapat melegakan pasukan kerana masalah sudah selesai," katanya.



**Dengan perjanjian kontrak itu, dia menunjukkan minatnya dengan Selangor. Pada pandangan saya dan Zainal, dia antara calon untuk kesebelasan utama pasukan**

**AMIRUDIN SHARI**

Pengurus Pasukan Selangor



Mixed Martial Arts (MMA) turut mencuri tumpuan pengunjung dengan aksi lincah para peserta bersaing merebut gelaran juara dalam Pesta Selangor di parkir One Utama Shopping Centre, Damansara. Pelbagai aktiviti menarik disusun penganjur untuk menghiburkan pengunjung seperti permainan video, konsert dan gerai usahawan industri kecil dan sederhana.

Gambar oleh Asri Sapie.

## PKNS FC rela Ronaldinho ke pasukan 'abang'

**SHAH ALAM** - PKNS FC akhirnya bersetuju melepaskan penyerang profilik mereka, Patrick Ronaldinho Wleh kepada pasukan Selangor yang dianggap 'abang' secara pinjaman selama setahun.

Presidennya, Siti Zubaidah Abd Jabar, berkata perkara itu dipersetujui setelah beberapa siri perbincangan diadakan bersama pengurusan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

"Kami lepaskan Ronaldinho demi pembangunan bola sepak Selangor dan walaupun beliau tidak lagi bersama pasukan, saya percaya ia tidak menjasakan semangat dan fokus pemain lain menghadapi saingan Liga Premier musim ini."

"Diucapkan selamat maju jaya kepada Ronaldinho dan semoga penyertaan ke Selangor dapat menjadikan beliau

pemain lebih baik dan membantu Red Giants mencapai kejayaan lebih gemilang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Dewan Annex, SUK, di sini, pada 20 Januari lalu.

Simbolik penyertaan Ronaldinho ke Selangor turut dihadiri Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari.

Pada masa sama, Zubaidah berkata, PKNS FC dan FAS terus bekerjasama dalam pertukaran pemain pada masa akan datang di samping mendukung usaha pembangunan bakat baru bola sepak.

Sebelum ini, PKNS FC melepaskan pemain muda berbakat, Muhammad Nazmi Faiz Mansor dan Mohd Azrif Nasrulhaq Badrul Hisham kepada Selangor.

## Pemain dan jersi baru diperkenal 6 Februari

**SHAH ALAM** - Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) bakal mengadakan program memperkenalkan pemain dan pengurusan pasukan pada 6 Februari depan di SACC Mall, di sini.

Pengurus Selangor, Amirudin Shari, berkata FAS turut melancarkan jersi baru The Red Giants yang mendapat tajaan Lotto pada hari sama.

"Dijemput peminat dan penyokong setia pasukan Selangor memeriahkan program ini dan berpeluang beramah mesra dengan pemain kesayangan," katanya dalam sidang media

di Dewan Annex, SUK, pada 20 Januari lalu.

Pada masa sama, Amirudin berkata, pihaknya bakal mengumumkan penaja pasukan Selangor yang sedang dikemas-kini pada peringkat akhir.

"FAS mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan dan kepercayaan tidak berbelah bahagi daripada seluruh penyokong kami walaupun terkait beberapa isu sejak awal tahun ini," katanya.

Terdahulu, FAS mengumumkan baki pemain senarai pemain skuad Liga Super Selangor musim 2016.